

**PEMELIHARAAN GOLOK ATAU PARANG PENDEK  
DALAM MASYARAKAT DI DAERAH PASIR PUTEH,  
KELANTAN.**

**Oleh**

**SITI AMIERA BINTI AHMAD ZAINUDIN**

**Laporan projek akhir ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian  
daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan**

**Dengan Kepujian**

**UNIVERSITI**

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**MALAYSIA**

**2022**

**KELANTAN**



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**PEMELIHARAAN GOLOK ATAU PARANG PENDEK DALAM  
MASYARAKAT DI DAERAH PASIR PUTEH, KELANTAN.**

**Oleh**

**SITI AMIERA BINTI AHMAD ZAINUDIN**

**Laporan ini dihantar bagi memenuhi kehendak Ijazah Sarjana Muda Pengajian  
Warisan dengan Kepujian**

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2022**

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

**TERBUKA** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

**SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)\*

**TERHAD** (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)\*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Disahkan oleh:

AMIERA

\_\_\_\_\_  
(Tanda tangan pelajar)

Tarikh :

\_\_\_\_\_  
(Tanda tangan penyelia)

Nama :

Tarikh:

Nota\* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmannirrahim,

Assalamualaikum dan selamat sejahtera

Bersyukur saya ke hadrat illahi kerana dapat menyempurnakan tesis ini dengan baik walaupun terdapat banyak cabaran dan halangan yang terpaksa ditempuhi. Syukur juga kerana diberi kesihatan yang baik dan dipermudahkan segala urusan sepanjang menjalankan penyelidikan ini. Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada penyelia saya iaitu Puan Nur Athmar binti Hashim, kerana tanpa tunjuk ajar, dorongan, nasihat dan pertolongan dari beliau, tesis ini tidak mungkin dapat disempurnakan dengan baik.

Saya juga ingin merakamkan serta mengucapkan jutaan terima kasih kepada institusi-institusi dan organisasi-organisasi yang telah banyak membantu dalam menyumbangkan bahan dan idea dalam menghasilkan tesis ini atas kerjasama dan bantuan yang diberikan semasa saya memerlukan maklumat berkaitan Pemeliharaan Golok dalam Masyarakat Di Daerah Pasir Puteh, Kelantan.

Penghargaan yang tidak terhingga juga kepada rakan-rakan seperjuangan kerana banyak membantu dalam memberi tunjuk ajar dan menyelesaikan masalah sepanjang menyiapkan tesis ini. Begitu juga kepada individu-individu yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung. Jasa kalian amat saya hargai.

Akhir sekali, jutaan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada seluruh isi keluarga saya terutamanya kedua ibu bapa saya yang telah banyak memberi semangat, dorongan dan doa yang berterusan sepanjang saya menyiapkan tesis ini. Tanpa bantuan mereka mungkin saya tidak dapat meneruskan perjuangan ini. Semoga kerja penyelidikan ini dapat memberi manfaat dan faedah kepada semua, sekian.

## ABSTRAK

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mencadangkan kaedah untuk meningkatkan cara pemeliharaan senjata lama seperti golok dalam masyarakat secara sistematik, mengenalpasti kerosakan dan potensi pemeliharaan terhadap artifak dalam kehidupan masyarakat terutama penduduk yang berada di luar Bandar. Lokasi kajian yang dijalankan adalah terletak di sebuah Kampung Chengal Batu yang berada dalam Jajahan Daerah Pasir Puteh, Kelantan. Kajian ini berbentuk data kualitatif yang bersumberkan sumber primer dan sekunder. Untuk menjadikan kaedah pemeliharaan terhadap sesuatu artifak seperti senjata lama lebih sistematik dan terurus adalah dengan mencadangkan beberapa kaedah penambahbaikan dalam memelihara sesuatu koleksi agar keaslian dapat dikekalkan sehingga ke generasi akan datang. Seterusnya, dengan adanya kaedah manual secara bertulis yang berkesan dan sistematik, langkah penjagaan sesuatu koleksi dapat dikumpulkan dan diperjelaskan kepada orang ramai dengan mudah dan secara tidak langsung dapat memudahkan mereka dalam memelihara senjata lama seperti golok. Oleh itu, diharapkan kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan dan juga sebagai satu alternatif kepada orang ramai terutamanya penduduk yang masih lagi memiliki serta menggunakan senjata lama sebagai alat kerja harian dan sebagai barangan perhiasan rumah. Dalam masa yang sama kajian ini dijalankan adalah untuk meningkatkan pemeliharaan koleksi kearah yang lebih baik serta dapat dijadikan sumber rujukan kepada pengkaji yang akan datang.

**Kata kunci:** kaedah pemeliharaan senjata, koleksi dalam masyarakat Kelantan

## ABSTRACT

This study aims to propose methods to improve the preservation of old weapons such as machetes in the community systematically, identify the damage and potential preservation of artifacts in community life, especially residents in rural areas. The location of the study is located in a village of Chengal Batu which is in the District of Pasir Puteh, Kelantan. This study is in the form of qualitative data sourced from primary and secondary sources. To make the method of preserving an artifact such as an old weapon more systematic and manageable is to suggest some methods of improvement in preserving a collection so that the originality can be maintained until the next generation. Furthermore, with an effective and systematic written manual method, the care measures of a collection can be collected and explained to the public easily and indirectly can facilitate them in preserving old weapons such as machetes. Therefore, it is hoped that this study can be used as a guide and also as an alternative to the public, especially residents who still own and use old weapons as daily tools and as home decoration items. At the same time, this study is conducted to improve the preservation of the collection towards better and can be used as a reference source for future researchers.

**Keywords:** methods of preserving weapons, collection in Kelantan society

## ISI KANDUNGAN

	<b>PERAKUAN TESIS.....</b>	<b>i</b>
	<b>PENGHARGAAN.....</b>	<b>ii</b>
	<b>ABSTRAK.....</b>	<b>iii</b>
	<b>ABSTRACT.....</b>	<b>iv</b>
	<b>ISI KANDUNGAN.....</b>	<b>v</b>
<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN MUKA SURAT</b>	
	1.0 Pengenalan.....	1
	1.1 Latar Belakang Kajian.....	3
	1.2 Permasalahan Kajian.....	8
	1.3 Lokasi Kajian.....	10
	1.4 Objektif Kajian.....	11
	1.5 Persoalan Kajian.....	11
	1.6 Skop Kajian.....	12
	1.7 Kepentingan Kajian.....	14
	1.8 Metodologi Kajian.....	15
	1.9 Kesimpulan.....	16

**BAB 2 KAJIAN TERDAHULU**

2.0 Pengenalan.....	17
2.1 Senjata .....	18
2.2 Golok.....	19
2.3 Jenis Golok.....	24
2.4 Cara Pembuatan Golok.....	29
2.5 Masyarakat dan Golok.....	31
2.6 Pemeliharaan .....	35
2.7 Perbincangan Kritikan .....	37
2.8 Kesimpulan.....	38

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.0 Pengenalan.....	39
3.1 Lokasi Kajian.....	39
3.2 Reka Bentuk Kajian.....	41
3.3 Kaedah Pengumpulan Data.....	42
3.4 Jadual Metodologi.....	51
3.5 Kesimpulan.....	52



<b>BAB 4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	
	4.0 Pengenalan.....	53
	4.1 Analisis Demografi .....	54
	4.2 Hasil Analisis Dan Dapatan Kajian.....	55
	4.3 Kesimpulan .....	75
<b>BAB 5</b>	<b>PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN</b>	
	5.0 Pengenalan .....	76
	5.1 Perbincangan.....	76
	5.2 Kesimpulan.....	80
	5.3 Cadangan.....	81
	<b>RUJUKAN.....</b>	<b>83</b>
	<b>LAMPIRAN.....</b>	<b>85</b>

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB SATU

### PENDAHULUAN

#### 1.0 Pengenalan

Golok merupakan alat atau barangan kegunaan manusia dalam kategori senjata. Golok ini adalah senjata yang telah ada dalam rumpun melayu dan ia mempunyai bentuk seperti pisau besar yang berat (T. Zulkarnain Muttaqien, 2015). Golok atau dengan nama lain ialah parang pendek ini digunakan sebagai alat untuk berburu, berkebun dan mempertahankan diri. Senjata seperti ini seringkali dijumpai di Asia Tenggara. Pada saat ini kita juga dapat melihat golok digunakan sebagai senjata dalam seni mempertahankan diri seperti silat. Setiap ukuran, berat, dan bentuknya dapat bervariasi bergantung pada orang yang pandai besi atau pembuatnya. Golok atau parang pendek ini juga memiliki bentuk yang seakan sama dengan *machete* tetapi golok cenderung lebih pendek dan lebih berat. Penggunaannya juga adalah lebih untuk memotong semak-samun, dahan pohon serta memotong atau melapah kulit haiwan. Senjata seperti golok ini biasanya dibuat dari besi baja karbon yang lebih lunak daripada pisau besar lainnya yang ada di dunia. Hal ini membuat golok tersebut mudah untuk diasah namun ia perlu diasah dengan lebih kerap. Menurut kamus dewan pula golok merupakan sejenis parang yang matanya diasah melengkung.

Golok merupakan salah satu warisan budaya tidak ketara. Warisan tidak ketara ialah satu bentuk ungkapan, pengetahuan, kemahiran serta instrumen, objek, artifak dan ruang budaya berkaitan dengannya. Hal ini bahawa komuniti, kumpulan dan, dalam beberapa kes, individu mengiktiraf sebagai sebahagian daripada budaya warisan mereka”(UNESCO, 2003). Pada tahun 2001, badan UNESCO telah melakukan satu kajian bersama Negara-Negara Anggotanya dan badan-badan bukan

pemerintah untuk cuba menghasilkan pentakrifan yang dipersetujui ramai, maka Konvensyen untuk Melindungi Warisan Budaya Tidak Ketara telah dirangka pada tahun 2003 bagi tujuan perlindungan dan menggalakkan warisan-warisan budaya ini.

Jadi perlindungan terhadap warisan budaya tidak ketara seperti senjata golok ini secara pemeliharaan dalam masyarakat di daerah Pasir Puteh, Kelantan amat wajar dilakukan. Pemeliharaan ialah proses perawatan yang terus menerus mulai dari bangunan hingga objek dan ia merupakan makna penataan suatu tempat. Dalam hal ini, usaha atau langkah perawatan harus dibezakan dari segi perbaikan. Pada tahun 1990-an, konsep sesuatu warisan budaya tidak ketara (Intangible Cultural Heritage - ICH) muncul, sebagai pemeliharaan unsur-unsur budaya yang tidak ketara seperti lagu, muzik, drama dan kraf. UNESCO telah meluluskan konvensyen pada tahun 2003 untuk melindungi ICH yang bertujuan mempromosikan penghormatan terhadap budaya kepelbagaian dan ciptaan manusia. Selain untuk bersaing dengan hak asasi manusia yang wujud dengan instrumen, ianya juga wujud untuk saling rasa hormat di kalangan komuniti, kumpulan dan individu, serta pembangunan lestari. Hal ini wajar, kerana golok atau parang pendek ini masih lagi tidak berdaftar dalam sumber warisan tidak ketara di Malaysia.

Dalam konteks negara di Malaysia, warisan tidak ketara merangkumi bentuk ekspresi, bahasa, persembahan, tarian, lagu, muzik dan seni mempertahankan diri, yang masih ada mahupun yang pernah ada yang berkait dengan warisan Malaysia. Jadi kajian ini dilakukan bagi mengungkap kepentingan yang wujud terhadap masyarakat di daerah Pasir Puteh, Kelantan.



Rajah 1.1 : Koleksi Golok

Sumber : Golok yang dibuat oleh orang pandai besi Encik Ahmad Zainudin di Daerah Pasir Puteh, Kelantan

### 1.1 Latar Belakang Kajian

Bahagian ini menjelaskan latar belakang kajian, iaitu pemeliharaan golok atau parang pendek dalam masyarakat. Kajian yang dilakukan ini memfokuskan kepada lokasi utama iaitu daerah Pasir Puteh, Kelantan. fokus penting kajian ini adalah untuk menjelaskan kepentingan pemeliharaan golok atau parang pendek dalam masyarakat yang tinggal di daerah Pasir Puteh, Kelantan.

Penggunaan golok atau parang pendek sering digunakan oleh penduduk kampung di daerah Pasir Puteh, Kelantan ini dalam melakukan pelbagai aktiviti. Fungsi golok ini sangat membantu penduduk kampung, terutama penduduk yang tinggal di kawasan pendalaman. Hal ini demikian kerana, senjata ini mampu memudahkan kerja atau aktiviti penduduk dalam melakukan rutin harian mereka. Terdapat pelbagai fungsi golok yang berbeza mengikut saiz serta bentuknya. Antara fungsi golok yang seringkali membantu penduduk di kawasan pendalaman ialah dapat menebas semak, mencantas dahan, melapah kulit haiwan, memotong daging, membina rumah, memasang perabot, meraut buluh dan banyak lagi. Penggunaan golok ini adalah tidak lekang penggunaannya oleh orang-orang kampung. Namun,

pada masa kini golok juga dijadikan satu alat dalam pertandingan seni ukiran persenjataan. Ianya mampu membawa seni warisan tersebut kemata dunia.

### **1.1.1 Orang Pandai Besi**

Menurut Al Fadhli, Muhammad. 2013 orang pandai besi membawa maksud tukang besi yang mahir dalam mencipta atau menghasilkan barangan daripada besi atau keluli. Barangan atau produk tersebut terhasil dengan kerja-kerja pertukangan seperti kerja menempa iaitu menukul, kerja membengkok, dan kerja memotong logam menggunakan alat khas dan sesuai dengan ketahanannya. Orang pandai besi atau tukang besi akan banyak menghasilkan barang-barang besi tempa seperti pintu, susur, lekapan lampu, perabot, arca, alat, perkakas ladang, barang hiasan, barang agama, perkakas masak, ladam, senjata, dan sebagainya. Sejarah. Pekerjaan yang dilakukan oleh tukang besi atau tukang kayu ini sering digambarkan dan dinyatakan dalam masyarakat pada zaman dahulu kala. Sebagai contoh kerja pertukangan ini sudah tercatat di Nusantara ketika dahulu melalui catatan penting seperti dalam Hikayat Hang Tuah dan Sejarah Melayu lama. Pengaruh warisan kesenian ini dipercayai dibawa dari pekerjaan yang sering menerapkan elemen teknologi pengaruh luar seperti dari budaya Hindu Buddha sebelum ini dan ia kemudiannya dilanjutkan dengan pengenalan unsur Arab Parsi yang tercetus hasil daripada penyebaran ajaran agama Islam dalam masyarakat melayu dahulu. Proses ini memerlukan kaedah tempaan besi iaitu dengan memanaskan keluli sehingga logam itu cukup lembut untuk dibentuk dengan alat tangan seperti penukul, andas, atau pahat.

Kerja pemanasan besi serta keluli akan dilaksanakan dengan menggunakan teknik penempaan yang dibakar dahulu dengan bahan api bakar seperti propana, gas asli, batu arang, arang, atau kok. Tukang besi pada masa kini juga menggunakan oksiasetilena atau penyempit gas yang serupa untuk mencapai pemanasan yang lebih setempat. Untuk menunjukkan Suhu dan keboleherjaan logam berdasarkan warna adalah sesuatu yang penting. Apabila besi dipanaskan warna logam tersebut mengikut ketinggian suhu bermula dengan warna merah lalu jingga, kuning dan akhir sekali putih. Warna jingga kekuningan yang terang merupakan haba ideal atau sesuai untuk kebanyakan kerja penempaan yang dikenali sebagai "haba penempaan". Oleh hal yang demikian, setiap tukang besi harus melihat dan mengetahui warna pada setiap kerja pembakaran logam. Dari itu, kebanyakan mereka bekerja di dalam keadaan yang malap bagi membantu teknik pembaraan yang lebih efisien. Untuk Teknik penukangan besi boleh dibahagikan kepada empat teknik iaitu penempaan atau pengarcaan, pengimpalan, pengolahan haba dan pengemasan.

Menurut mitologi Hindu, hasil dari rujukan laman sesawang (2021), Tvastar juga dikenali sebagai Vishvakarma adalah pandai besi dari dewa. Rujukan terawal mengenai Tvastar boleh didapati di Rigveda. Hephaestus (Bahasa Latin: Vulcan) adalah pandai besi dari tuhan dalam Bahasa Yunani dan Mitologi Rom. Seorang tukang yang sangat mahir dalam menempa gunung berapi, dia membina sebahagian besar senjata para dewa, serta pembantu yang mahir untuk pandai besi dan jaring logam yang rumit. Dia adalah dewa kerja logam, api, dan pengrajin.

### 1.1.2 Artifak

Koleksi atau artifak merupakan sejenis peralatan atau barangan yang diperbuat oleh manusia pada zaman dahulu dan telah menjadi peninggalan yang bersejarah. Artifak juga hadir dalam bentuk pakaian, senjata, permainan dan banyak lagi. Sebagai contoh artifak daripada senjata adalah seperti keris, lembing, tombak, syiling dan lain-lain. Menurut Datuk Dr Dionysius SK Sharma Berita harian Online (2018) berkata, sesuatu peninggalan artifak sebegini haruslah dijaga serta dilindungi dengan kaedah yang baik dan agar dapat dikekalkan nilai warisan sejarahnya sehingga generasi yang akan datang dapat melihat dan mengenali artifak sejarah tersebut. Sebarang bentuk artifak juga harus dipelihara keadaannya agar dapat dikenali warga muda pada masa akan datang (Jabatan Muzium Malaysia, 2021). Penggunaan artifak seperti senjata dalam kalangan masyarakat tanpa mengetahui cara menjaga serta membersihkannya mampu meningkatkan kadar kerosakan pada sesuatu artifak tersebut. Hal ini boleh terjadi akibat daripada pelbagai faktor luar yang akan menjejaskan nilai pada sesuatu artifak yang ada.

### 1.1.3 Senjata

Senjata ialah sejenis alat yang boleh mendatangkan kecederaan malah dapat memberikan kemudaratan kepada orang lain. Ianya juga mampu digunakan untuk melindungi diri daripada serangan pihak musuh yang ingin menyerang (Albert G Van Zonneveld, 2002). Senjata digunakan dalam berbagai-bagai tujuan untuk mencapai matlamat yang diinginkan terutamanya dalam seni mempertahankan diri seperti silat. Sebagai contoh senjata ialah seperti pisau, parang, keris, tanjak dan banyak lagi jenis senjata yang berupaya

mengundang bahaya sama ada secara sengaja atau tidak senjata sekiranya digunakan oleh orang yang tidak mengikut cara penggunaan yang ditetapkan. Bahayanya bukan sahaja disebabkan oleh cara guna senjata itu tetapi juga bergantung kepada pengguna yang menggunakan senjata tersebut. Menurut Monier-Williams, (1981), senjata juga mampu hadir dalam bentuk serangan psikologi yang dapat memudaratkan seseorang dari segi fizikal dan mental.

#### **1.1.4 Pemeliharaan Artifak**

Menurut Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, (2013) pemeliharaan atau penjagaan sesuatu barangan secara tersusun serta menyediakan cara atau proses bagi mengawal dan mengatasi kerosakan atau kemusnahan sesuatu barang daripada berlakunya kerosakan yang berterusan. Namun, Menurut Zuraidah, (2012), pula pemeliharaan artifak adalah berkaitan dengan penjagaan serta pengurusan artifak yang dibuat di sesebuah tempat yang mempunyai kelengkapan yang sewajarnya seperti muzium. Menurut kamus dewan pemeliharaan atau penjagaan sesuatu secara tersusun bagi mengatasi kerosakan kemusnahan dan sebagainya. Barangan artifak yang tersimpan disusun dengan rapi dan kemas merupakan langkah pemeliharaan yang berkesan bagi mengatasi artifak tersebut menjadi rosak dan musnah. Pemeliharaan yang dilakukan adalah kepada sesuatu artifak yang agak lama dan berusia supaya nilai sejarah tetap kekal pada koleksi tersebut.

#### **1.1.5 Faktor-faktor kerosakan artifak**

Kerosakan sesuatu artifak adalah melibatkan pelbagai faktor. Menurut Ab Samad Kechot. (2013) kebanyakan artifak yang mengalami kerosakan tidak diuruskan serta dijaga dengan baik malah disebabkan oleh usia sesuatu



artifak yang sangat lama yang menyebabkan pereputan mula berlaku. Antara faktor kerosakan artifak adalah disebabkan oleh faktor haiwan seperti serangga perosak iaitu anai-anai, faktor manusia sendiri iaitu disebabkan oleh kecuaiannya yang membolehkan artifak jatuh dan pecah, faktor cahaya dan suhu yang tidak ditetapkan mengikut kesesuaian sesuatu artifak dan sebagainya. Selain itu faktor alam sekitar seperti bencana alam juga memberikan risiko yang tinggi terhadap penjagaan sesuatu artifak atau barangan lama.

## **1.2 Permasalahan Kajian**


Permasalahan yang terdapat dalam kajian adalah kerosakan pada senjata lama seperti golok atau parang pendek. Kajian yang dilakukan adalah secara umumnya mengenai faedah pemeliharaan golok dalam masyarakat di Pasir Puteh, Kelantan. Secara umumnya, permasalahan ini dapat dilihat pada kekurangan dari segi kemahiran tenaga muda untuk memelihara senjata lama seperti golok. Ini mampu sedikit sebanyak menghapuskan budaya penggunaan golok itu sendiri dalam sesuatu masyarakat. Perkara ini disokong oleh Muhd Azim Berita Harian Online (2012), menyatakan bahawa warga muda sekarang sangat berkekurangan dalam kerja pembuatan dan pemeliharaan terhadap barangan lama atas sebab kekurangan minat serta faktor tiada sokongan dari pihak luar. Hal ini menyebabkan sesuatu artifak itu mudah rosak atau kurang kualiti dari segi penggunaannya. Dalam pada itu, ianya dapat meningkatkan faktor kerosakan pada sesuatu senjata lama disebabkan kurang serta tiada pengetahuan asas dalam penjagaannya. Antara faktor-faktor kerosakan yang terdapat pada koleksi adalah berpunca daripada keadaan suhu, kelembapan, cahaya, cara pengendalian koleksi, serangga dan lain-lain lagi. Hal itu juga

mencetuskan permasalahan dari segi pertambahan pembuangan barangan artifak yang rosak. Pembuangan artifak yang rosak ini terjadi akibat kurangnya pendedahan terhadap cara pemeliharaan sesuatu artifak yang berasal dari sumber bahan organik mahupun bukan organik. Ini mampu menyebabkan kepupusan dalam keberhasilan penjagaan artifak yang telah wujud di Malaysia.

Dari itu, pengkaji dapat mengenalpasti tujuan utama kajian yang akan dilaksanakan dalam memahami kepentingan pemeliharaan golok atau parang pendek dalam masyarakat di Pasir Puteh, Kelantan. Dalam pada itu, pengkaji juga akan dapat melakukan pemerhatian terhadap cara serta pembuatan golok bagi pemeliharaan senjata tersebut.

### 1.3 Lokasi Kajian

Lokasi kajian adalah di sebuah kampung yang terletak di Kampung Chengal Batu, Pasir Puteh, Kelantan (Rajah 1.2). Tempatnya strategik dimana disekitarnya telah menempatkan kawasan penempatan penduduk kampung pedalaman serta terdapat salah sebuah rumah penduduk yang mahir dalam pembuatan senjata ini. Hal ini memudahkan penyelidik dalam menjalankan kaedah kajian berkaitan pemeliharaan senjata lama seperti golok ini. Jarak Kampung Chengal Batu, Pasir Puteh, Kelantan dari rumah penyelidik adalah sejauh 6.2 kilometer (KM) dan hanya memakan masa sekitar 7 minit untuk tiba di lokasi kajian.



Rajah 1.2: Peta Kampung Chengal Batu, Pasir Puteh, Kelantan

Sumber : Google Maps (2021) pada 7 Februari 2021 daripada <http://maps.google.com>

MALAYSIA  
KELANTAN

#### **1.4 Objektif Kajian**

Terdapat tiga objektif kajian yang mendorong penyelidik untuk membuat kajian tentang cara pemeliharaan terhadap senjata dalam masyarakat di salah satu daerah di Kelantan. Antara objektif yang dikenalpasti dalam kajian ini adalah:

- 1.4.1 Mengenalpasti kerosakan yang sering terjadi pada golok atau parang pendek.
- 1.4.2 Menerangkan cara pemeliharaan golok atau parang pendek dalam masyarakat di Daerah Pasir Puteh, Kelantan.
- 1.4.3 Menganalisis kesan pemeliharaan golok atau parang pendek dalam masyarakat di Daerah Pasir Puteh, Kelantan.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

Antara persoalan kajian yang terdapat dalam kajian tersebut adalah seperti berikut:

- 1.5.1 Apakah kerosakan yang sering terjadi pada golok atau parang pendek.
- 1.5.2 Bagaimanakah cara pemeliharaan golok atau parang pendek dalam masyarakat di Daerah Pasir Puteh, Kelantan.
- 1.5.3 Apakah kesan pemeliharaan golok atau parang pendek dalam masyarakat di Daerah Pasir Puteh, Kelantan.

## 1.6 Skop Kajian



Rajah 1.3: Peta Negeri Kelantan, Darul Naim

Sumber : Google Maps (2021) pada 7 Februari 2021 daripada <http://maps.google.com>



Rajah 1.4: Peta Daerah Pasir Puteh, Kelantan.

Sumber : Google Maps (2021) pada 7 Februari 2021 daripada <http://maps.google.com>

Skop kajian merupakan khusus utama dalam suatu kajian yang ingin dijalankan berdasarkan beberapa perkara dalam kajian yang memberikan hasil yang memuaskan kepada pengkaji. Jadi, fokus kajian ini ialah kepentingan pemeliharaan golok dalam masyarakat di Daerah Pasir Puteh, Kelantan. Jajahan Daerah Pasir Puteh telah wujud sejak tahun 1905 lagi (Rajah 1.4). Daerah ini mempunyai keluasan 433.8 kilometer persegi (167.2 batu persegi) dan ia merupakan jajahan kelima terluas berbanding dengan jajahan-jajahan lain yang ada di dalam negeri Kelantan. Oleh hal yang demikian, pengkaji telah memilih daerah tersebut sebagai lokasi utama dalam kajian tersebut.

Kajian yang dijalankan ini untuk meneliti beberapa kepentingan atau kebaikan pemeliharaan golok atau parang pendek di kawasan tersebut. Daerah itu dijadikan kawasan untuk kajian penyelidikan pada pengkaji adalah kerana Pasir Puteh mempunyai kampung pedalaman yang mempunyai penduduk-penduduk yang masih lagi menggunakan golok sebagai alat senjata seharian mereka. Jadi dalam skop kajian ini, Kampung Chengal Batu akan dijadikan lokasi kajian untuk pendekatan kualitatif seperti kaedah pemerhatian, temubual, perpustakaan, dan laman sesawang. Selain itu, daerah tersebut juga terdapat seseorang yang mempunyai kemahiran dalam membuat besi serta mengukir kayu. Hal ini amat membantu pengkaji dalam menjawab objektif kajian seperti mengetahui jenis serta cara pemeliharaan golok tersebut.

## 1.7 Kepentingan Kajian

Kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji adalah penting kepada pelbagai pihak. Hal ini kerana kajian mengenai kepentingan pemeliharaan golok atau parang pendek mampu memberi kebaikan serta faedah kepada pengkaji masyarakat. Ianya malah memberi kepentingan juga terhadap pengkaji akan datang. Hal ini kerana kajian yang telah dilakukan ini dapat dijadikan sumber rujukan kepada pengkaji yang akan datang yang melibatkan koleksi senjata lama dan penjagaan artifak ke arah yang lebih baik. Ini juga dapat menambahkan ilmu pengetahuan pengkaji yang akan datang terhadap kajian yang akan mereka lakukan.

Selain itu, kajian ini juga dapat memberikan ruang terhadap masyarakat dan juga penduduk kampung di daerah Pasir Puteh untuk lebih memahami kepentingan pemeliharaan golok atau parang pendek. Dengan itu masyarakat dapat membuka minda serta mata untuk mengetahui dan melihat sendiri pentingnya penjagaan artifak seperti senjata lama kepada negara untuk dijadikan warisan yang telah menjadi identiti kepada budaya setempat. Dengan ini secara tidak langsung dapat memupuk penerapan nilai sejarah dan kebudayaan ke dalam diri setiap masyarakat melalui bidang pendidikan. Bidang pendidikan yang baik mampu melahirkan masyarakat yang mementingkan pemuliharaan dan pemeliharaan warisan yang terdapat di negara ini samada warisan ketara ataupun tidak ketara.

Dalam pada itu, kepentingan kajian ini juga penting kepada institusi yang ada. Hal ini dapat memudahkan Institusi-institusi yang terlibat untuk boleh membuat penyelidikan terhadap kajian yang telah dilakukan ini. Kajian tentang pemeliharaan senjata dan kesannya terhadap masyarakat pada masa kini. Hal ini wajar dilakukan untuk menambahkan lagi pengetahuan dalam bidang warisan serta tahu akan cara dan

panduan untuk memelihara dan memulihara artifak sesuatu warisan agar tidak hilang ditelan zaman.

Kesimpulannya, kajian ini dapat memberi manfaat dan rujukan penting kepada generasi muda mahupun golongan belia, disebabkan kajian yang dilakukan ini berkaitan dengan corak budaya masyarakat di Malaysia. Pemeliharaan warisan budaya seperti senjata tersebut mampu memajukan sesebuah Negara dalam masa yang sama dapat mengenali identiti suatu budaya yang ada.

### **1.8 Metodologi Kajian**

Penyelidik akan menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan melakukan kerja lapangan. Penyelidik akan ke tempat kajian dan menemubual seorang responden di Kampung Chengal Batu mengenai pembuatan serta penjagaan senjata lama bagi mendapatkan maklumat yang sahih. Responden tersebut adalah terdiri daripada seorang pembuat golok dan tiga orang penduduk kampung yang tinggal di kawasan berdekatan. Penyelidik juga akan membuat pemerhatian terhadap penjagaan senjata lama dan kerosakan artifak yang mungkin terjadi pada senjata seperti golok atau parang pendek ini. Selain itu penyelidik juga mendapatkan maklumat melalui buku-buku yang terdapat di perpustakaan, dan melayari laman sesawang.



## 1.9 Kesimpulan

Kajian yang dijalankan adalah berkaitan dengan pemeliharaan senjata lama dalam masyarakat di daerah Pasir Puteh, Kelantan. Penjagaan dari segi kualiti sesuatu barangan artifak dapat dijamin dengan adanya kajian tentang sumber pemeliharaan serta teknik pembuatannya yang betul. Namun, terdapat pelbagai risiko dalam penjagaan serta pembuatan artifak baik dengan menggunakan cara yang fleksibel untuk menguruskan artifak dengan lebih cekap dan berhati-hati. Oleh itu, dengan adanya kajian yang dilakukan oleh penyelidik ini dapat menambahkan idea serta memperkuat lagi pengetahuan umum dalam masyarakat setempat terhadap penjagaan senjata seperti golok. Hal ini sekaligus dapat menarik minat orang ramai untuk menjaga serta memiliki sendiri senjata sebegini.

## **BAB DUA**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.0 Pengenalan**

Bab ini membincangkan mengenai hasil daripada pelbagai kajian lepas yang mengkaji berkenaan isu pemeliharaan warisan budaya tidak ketara. Kajian-kajian lepas akan dianalisis secara umum dan menyeluruh bagi mendapatkan serta mengetahui lebih mendalam berkaitan kajian yang dilakukan berdasarkan teori dan metodologi yang sepadan. Berdasarkan analisis yang dilakukan secara terus akan dapat membantu pengkaji dalam mencari serta mendapatkan maklumat yang saling berkaitan antara satu sama lain.

Untuk menghasilkan kajian, pengkaji perlu memastikan setiap kajian yang dilakukan adalah berkaitan dan mempunyai gambaran baru yang menyeluruh. Dari itu, pengkaji memilih pemeliharaan golok dalam masyarakat di daerah Pasir Puteh, Kelantan. Kajian ini meliputi cara pemeliharaan sesuatu warisan budaya tidak ketara seperti alat persenjataan dalam sesuatu masyarakat. Hal ini penting bagi menjaga serta melindungi warisan yang telah wujud dalam sesuatu masyarakat tersebut. Ini kerana, sesuatu warisan mempunyai peranan dan kelebihan yang berkaitan antara masyarakat dengan warisan budaya tersebut. Sebagai contoh masyarakat di daerah Pasir Puteh, Kelantan masih saling menggunakan golok sebagai senjata harian mereka.

## 2.1 Senjata

Menurut Khamis Mohamad (2013), Senjata merupakan satu barangan atau peralatan yang boleh digunakan bagi kemudahan manusia. Walaubagaimanapun alatan atau senjata juga dipercayai boleh merosakkan nyawa atau barangan. Ini kerana ianya mampu mengancam diri seseorang yang memiliki senjata tanpa ilmu yang tepat dan handal. Namun jika senjata digunakan dengan kepakaran serta pengetahuan yang tepat ianya mampu menjadi satu teknik berguna kepada orang-orang tertentu dalam seni membela dan mempertahankan diri. Secara umumnya, apabila sebarang benda atau usaha yang digunakan untuk mengancam sesuatu (termasuk secara psikologi) ianya boleh dikategorikan sebagai senjata. Senjata boleh terhasil daripada seringkas belantan, atau semaju senjata nuklear yang diciptakan pada masa. Dalam pada itu, senjata purba yang digunakan oleh orang-orang purba pula menggunakan senjata dari bahan-bahan asas yang keras seperti kayu dan batu yang tajam. Mereka akan menghasilkan senjata berkenaan secara asahan supaya permukaan tajam akan timbul secara sempurna pada batu atau kayu. Kebiasaannya, senjata ditikam pada bahagian tubuh pihak lawan atau dibuang ke arah musuh dengan tujuan mencedera atau membunuhnya. Selepas Zaman batu, besi pula telah digunakan secara meluasnya sebagai senjata pilihan utama yang mampu memudahkan lagi hasil pembuatan dan penggunaannya. Antara senjata yang boleh dihasilkan dengan menggunakan bahan besi ialah seperti pisau, golok, keris, lembing, kerabit dan anak panah.

## 2.2 Golok

### 2.2.1 Pengertian Golok

Menurut T. Zulkarnain Muttaqien (2019), dalam analisis terhadap penelitian Golok Walahir sebagai identitas budaya Masyarakat Desa Sindangkerta Kabupaten Tasikmalaya, golok boleh ditakrifkan sebagai salah satu alat bantu tradisional yang digunakan untuk melakukan kegiatan seperti berkebun, berladang, dan bertukang dan banyak lagi. Pada masa lalu pula, golok ini sering digunakan juga untuk bertarung dan bertempur dengan pihak musuh yang menyerang dengan pelbagai agenda yang tersendiri. Bagi sebagian besar masyarakat di Indonesia golok seperti golok walahir memiliki fungsi yang tersendiri. Golok berkenaan berfungsi sebagai alat dalam membantu pekerjaan rumah atau harian yang ringan. Oleh hal yang demikian, golok seperti golok walahir berkenaan dapat dimaknai sebagai wakil dari identiti bagi sebuah daerah atau masyarakat. Jadi, golok tetap dihasilkan dan digunakan sampai saat ini dalam kalangan masyarakat di beberapa daerah dalam Indonesia, walaupun hadir berbagai macam alat bantu kerja yang baru dan canggih pada masa kini. Golok Walahir berasal dari desa Walahir di wilayah Sindangkerta Kabupaten Tasikmalaya. Sampai saat ini golok berkenaan masih diproduksi dan menjadi ikon bagi daerah tersebut, tidak seperti golok-golok yang ada dari daerah lain yang perlu dilakukan banyak usaha untuk melestarikan golok. usaha melindungi serta melestraikan golok dalam pengekalan penggunaan senjata dalam masyarakat adalah satu proses yang penting. Ini kerana terdapat beberapa tindakan yang perlu dilaksanakan, antaranya ialah dengan melakukan penelitian dan mengkaji kemungkinan terdapatnya proses pembuatan semula golok sehingga muncul pandai besi penerus dan golok Walahir. Hal ini kerana ianya mampu menjadi sebagai salah satu identiti masyarakat yang dapat dilindungi.

Golok atau gulok ialah sejenis alat atau perkakas bagi tujuan memotong serupa senjata parang yang didapati secara meluas di serata rantau Nusantara. Ianya merupakan senjata khas atau utama dalam rumpun melayu dan ianya mempunyai bentuk seperti pisau yang besar serta agak berat. Namun kini, golok mampu bervariasi mengikut peredaran zaman serta bentuknya sering berubah bergantung pada orang pandai besi atau tukang pembuatnya. Golok memiliki bentuk dan saiz yang hampir serupa dengan machete atau parang tetapi golok cenderung lebih pendek serta lebih berat, dan sering digunakan untuk kerja-kerja memotong semak-samun dan dahan pohon. Golok biasanya dibuat dari besi baja karbon yang lebih lunak berbanding pisau besar lainnya yang ada di dunia. Hasil pembuatan golok berdasarkan bahan berkenaan akan memudahkan senjata tersebut untuk diasah tetapi memerlukan proses pengasahan yang lebih kerap. Kegunaannya juga amat penting dalam masyarakat dulu-dulu sebagai alat berkebun, berladang, bertukang dan lain-lain. Hingga saat ini kita juga boleh melihat golok yang digunakan sebagai senjata dalam seni mempertahankan diri silat serta persembahan kesenian MakYong dan Main Teri.

Menurut Albert G Van Zonneveld (2002), senjata Golok tidak hanya dikenali di Negara Indonesia malah golok juga dikenal di negara-negara Asia seperti Thailand, Vietnam, Malaysia, Filipina dan beberapa negara lain dengan nama berbeda. Golok dihasilkan untuk memudahkan pekerjaan harian manusia, terutama dalam pekerjaan yang tidak boleh dilakukan dengan hanya menggunakan tangan kosong. Pekerjaan tersebut seperti memotong pohon, membelah kayu atau bambu, menyayat buluh dan menebas alang-alang serta semak-samun. Jadi dengan adanya


senjata seperti golok, manusia terutama penduduk yang tinggal di pedalaman dapat melakukan pekerjaan yang dengan lebih mudah apabila menggunakan senjata berkenaan. Senjata Golok terdapat dua kategori utama, yang pertama adalah golok pakarang iaitu (istilah lain: golok soren, golok silat), golok ini digunakan untuk bela diri, biasanya untuk bertarung, kedua pula adalah golok pakakas iaitu (istilah lain: golok gawe), golok jenis ini digunakan untuk bekerja. Penghasilan Golok oleh beberapa tukang besi dan tukang kayu tidak sahaja dikenali di Negara Indonesia, malah ianya juga dikenal sampai ke pelbagai Negara seperti Belanda. Perguruan dalam seni mempertahankan silat yang berada di negeri ini sering memesan golok untuk keperluan dalam seni bela diri. Menurut beberapa penelitian dari analisis penulisan lepas Golok menjadi satu identiti sebuah daerah atau masyarakat yang terdapat di Negara Indonesia seperti Rencong di Aceh, Mandau untuk daerah Kalimantan dan Keris untuk daerah Jawa.

Menurut Uswatun Hasanah (2014), dalam “Software pengenalan pola pamor keris jawa dengan mengimplementasikan metode kohonen neutral network”, senjata ini paling lazim digunakan dalam kalangan suku-suku Betawi dan Sunda, namun ia juga diketahui dalam kalangan orang suku Jawa dan suku Melayu. Menurut penelitian kajian lepas, penggunaan senjata ini pernah dicatat seawal 1612 dalam manuskrip Sulalatus Salatin dan Hikayat Hang Tuah (sekitar tahun 1700). Golok berjenis simpenan atau soren lazim digunakan sebagai senjata mempertahankan diri dalam seni persilatan Orang Betawi. Orang Betawi juga beranggapan bahawa senjata golok adalah satu lambang kepada keberanian dan kejantanan dalam kalangan masyarakat tersebut. Hal ini terbukti, di mana seorang yang jaguhan bergelar jawara sering berpasang golok di pinggang. Adat dan

kepercayaan ini dihentikan pada tahun 1970-an di Negara Indonesia atas faktor menjaga keselamatan serta mengelakkan pergaduhan sesama kelompok penganas. Namun, pada masa kini golok telah bervariasi dari segi bentuk, nilai serta kegunaannya. Sebagai contoh, Dalam masyarakat Kelantan, golok cenderung digunakan dalam memotong daging haiwan semasa musim perayaan korban.

### 2.2.2 Bahagian-Bahagian Golok

Menurut M. Nazz (2018), sebagai Pakar Golok dari komunitas Golok Depok menjelaskan mengenai bahagian-bahagian dari golok seperti ( Rajah 2.1) berikut:



Rajah 2.1: gambar bahagian-bahagian pada golok

Sumber : <https://www.google.com/searchbahagian-bahagiangolok>

1. Gangang (handle), iaitu bahagian golok yang digunakan sebagai pegangan. Gagang ada yang terbuat dari kayu yang keras seperti jambu dan nangka, dan tanduk kerbau. Gagang golok umumnya kosong walaupun ada beberapa di antaranya yang dihiasi dengan ukiran kepala singa, burung garuda atau ular naga.
2. Bilah golok terdiri atas mata (edge/bahagian tajam atau perut), punggung, dan paksi (tank/bahagian yang masuk ke gagang). Bilah golok terbuat dari baja. Biasanya baja yang digunakan adalah bekas “per” kenderaan, *bearing*,

dan lain-lain. Punggung (bahagian atas) umumnya membentuk garis lurus. Jika ada yang melengkung, maka lengkungnya tidak ketara. Sedangkan bidang bawahnya (mata golok) melengkung, sehingga membentuk sudut runcing dan selalu tajam.

3. *Selut* atau gelang berfungsi untuk mengunci bilah golok agar ganging tidak pecah ketika digunakan.
4. Sarung atau *serangka* yang terdiri atas sopal atau godongan (bahagian yang digunakan sebagai penghubung antara gagang dengan sarung). Meutingan (bahagian yang digunakan untuk menyelipkan tali), simpai (bahagian yang digunakan untuk mengunci sarung dengan bentuk ikatan melingkari sarung, biasanya berjumlah ganjil), dan pepet (bahagian yang digunakan sebagai penutup sarung pada bahagian bawah). Sarung golok (serangka) terbuat dari kayu yang keras dan kukuh seperti jambu dan nangka. Serangka terdiri atas dua bilah kayu yang dirapatkan kemudian diikat dengan tali yang terbuat dari logam, tanduk kerbau atau rotan. Bahagian ujung serangka ada yang dibiarkan kosong tetapi ada juga yang melapisinya dengan logam, gading atau tanduk kerbau.



## 2.3 Jenis Golok

Meurut Monier-Williams, Monier (1981), Senjata tradisional masyarakat iaitu Golok adalah alat pemotong, mirip dengan parang, yang terdapat dalam banyak variasi. Ia digunakan sebagai alat pertanian, alat menyembelih haiwan dan juga senjata mempertahankan diri. Pada zaman sekarang golok telah di variasi untuk dijadikan perhiasan di rumah serta alat pertandingan mengikut nilai estetika yang ada pada ukirannya. Sarung golok atau ulunya boleh diperbuat daripada kayu yang terpilih seperti kayu kemuning emas, kayu leban plok, kayu sena plok. Antara jenis golok atau parang pendek yang ada ialah golok gobag, golok ujung turun, golok betok dan golok rembau.

### 2.3.1 Golok Gobag

Golok Gobag ialah golok yang wujud sekitar 1700. Ianya memiliki panjang tidak lebih dari panjang lengan (sekitar 30cm) dan diameter 7cm (Rajah 2.2). Bentuk Golok Gobang yang pada ujung rata dan perut melengkung ke arah punggung golok, Diperbuat daripada tembaga. Menurut M.nazz selaku Pakar Golok dari Komunitas Golok Depok (2018) golok ini berasal dari masyarakat Betawi. Alat memotong serupa parang yang didapati meluas serata rantau Nusantara. Ia paling lazim digunakan dalam kalangan suku-suku Betawi dan Sunda, namun ia juga diketahui dalam kalangan orang suku Jawa dan suku Melayu. Penggunaan senjata ini pernah dicatat seawal dalam manuskrip Sulalatus Salatin (1612) dan Hikayat Hang Tuah (sekitar tahun 1700). Fungsi atau kegunaan golok ini ialah Digunakan untuk membantu kegiatan di rumah dan kebun.



Rajah 2.2: gambar Golok Gobak

Sumber : <https://www.google.com/search?q=hgolok+gobag>

### 2.3.2 Golok Petok

Golok Petok ialah golok yang digunakan masyarakat betawi pada sekitar tahun 1700 dahulu. Mempunyai ukuran panjangnya tidak lebih 20cm, pemegang yang melengkung serta ukiran pada sarung (Rajah 2.3). Menurut M.nazz selaku Pakar Golok dari Komunitas Golok Depok (2018) golok ini dihasilkan sebagai sebuah senjata pusaka, keberadaan Golok Petok merupakan fasa awal asal muasal senjata dalam sejarah nusantara. Jenis golok ini sebelumnya dikenali sebagai senjata khas Jawa Barat kujang. Walaubagaimanapun, Golok Petok sudah ada konsepnya terlebih dahulu. Namun, disebabkan oleh Kerajaan Padjajaran memohon kepada Sang Empu agar dibuatkan secepatnya sebuah senjata bernama kujang, membuatkan penghasilan Golok petok menjadi tertunda. Jadi, senjata tersebut digunakan sebagai alat untuk mempertajam Golok utama atau pertahanan terakhir saat tidak ada senjata yang lain bagi menghadapi pihak musuh yang menyerang.



Rajah 2.3: gambar Golok Petok

Sumber : <https://www.google.com/search?q=hgolok+petok>

### 2.3.3 Golok Ujung Turun

Golok Ujung Turun ialah golok yang memiliki hujung yang lancip. Senjata berjenis ini memiliki saiz panjang hingga 40cm dengan Pamor atau Wafak untuk Bilahnya. Manakala, lebar senjata ini ialah hingga 6cm (Rajah 2.4). Ukiran binatang yang dibuat dengan material atau bahan seperti tanduk haiwan menghiasi gagangnya. Menurut M.nazz selaku Pakar Golok dari Komunitas Golok Depok (2018) kebiasaannya, Orang Betawi memiliki senjata khas ini sebagai simbol kemegahan dan status dalam masyarakat. Golok bagi masyarakat Betawi dahulu, biasanya digunakan para jawara (pendekar) sebagai senjata untuk membela diri ataupun melawan penjajah pada awal 30-an. Golok berjenis ini berfungsi sebagai alat untuk bekerja di ladang, atau menyembelih hewan di rumah. Pada masa kini golok berjenis ini sering meminta permintaan yang tinggi untuk digunakan sebagai alat untuk menyang daging atau menyiat kulit haiwan pada musim hari raya haji atau pada majlis korban yang dijalankan oleh masyarakat yang beragama islam. Fungsi atau kegunaan golok jenis ini sering dibawa dan diselipkan disarung pada bahagian pinggang oleh para pemiliknya. Bahagian gagang atau ulu Golok ini dihasilkan menggunakan bahan seperti tanduk atau belalai haiwan. Penggunaan bahan

organik pada ulu senjata berkenaan adalah untuk dipakai ketika bertarung supaya beban pada golok menjadi lebih ringan dan mudah untuk melakukan pergerakan yang pantas serta cekap.



Rajah 2.4: gambar Golok Ujung Turun

Sumber: <https://www.google.com/search?q=hgolok+ujung+turun>

#### 2.3.4 Golok Walahir

Golok Walahir mempunyai kelebaran 3,5-4cm, mempunyai pemegang yang melengkung serta pisau dan sarung berbentuk lurus dan rata (Rajah 2.5). Menurut T. Zulkarnain Muttaqien (2015), Golok Walahir berasal dari desa Walahir di wilayah Sindangkerta Kabupaten Tasikmalaya pada sekitar tahun 1920. Pada masa kini Golok ini sudah tidak lagi dihasilkan disebabkan tidak adanya generasi penerusnya. Tukang besi atau pandai besi terakhir yang menghasilkan golok berjenis ini iaitu Puh Bihot meninggal di tahun 1955 dan keturunan tidak dapat kemahiran dalam pembuatan golok berkenaan. Golok ini berfungsi atau digunakan untuk memotong atau membelah batang pohon.



Rajah 2.5: gambar Golok Walahir

Sumber : <https://www.google.com/search?q=hgolok+walahir>

### 2.3.5 Golok Rembau

Golok Rembau pula ialah golok yang mempunyai ukuran panjang lebih kurang 35 - 47 cm. ianya mempunyai pisau yang melengkung tetapi sarung yang lurus (Rajah 2.6). Golok ini berasal dari Sumatera, Indonesia. Ia juga biasa dijumpai di Malaysia. Menurut Moebirman (1980) di Kabupaten Asahan, Indonesia, Golok Rembau dianggap memiliki kekuatan ajaib untuk melindungi pembawanya dari serangan harimau. Oleh itu kadangkala golok ini juga disebut sebagai Golok Rimau atau Golok Harimau. Digunakan oleh orang Minangkabau, orang Melayu sejak tahun 1770. Fungsi atau Kegunaan golok ini ialah untuk mempertahankan diri semasa berburu.



Rajah 2.6: gambar Golok Rembau

Sumber : <https://www.google.com/search?q=hgolok+rembau>

## 2.4 Cara Pembuatan Golok

Dalam kajian ini juga menyebut cara atau langkah bagi menghasilkan golok berdasarkan kajian laman sesawang yang dilakukan. Pembuatan golok atau parang pendek ini adalah berbeza mengikut si pembuatnya. Hal ini kerana setiap ukiran serta motif yang dihasilkan pembuat atau orang pandai besi adalah berbeza mengikut idea serta keinginan si pembeli. Bagi langkah asas untuk membuat golok ini ialah dengan memerlukan pengetahuan dari segi jenis besi serta jenis kayu yang digunakan. Tempoh untuk menghasilkan sebilah mata pisau ini ialah memerlukan masa selama satu jam setengah dalam sehari dan mampu menghasilkan kira-kira tujuh bilah golok bergantung kepada saiz bilah serta kepakaran si pembuat senjata berkenaan.

Apabila menjelang musim perayaan Aidiladha atau Raya Haji, akan adanya tempahan terhadap golok beserta sarungnya akan meningkat. Hal ini kerana, mata pisau yang dihasilkan oleh orang pandai besi kebiasaannya adalah jenis pisau yang digunakan untuk proses melapah, sembelih, tetak tulang, dalam majlis Kurban yang sering diadakan oleh masyarakat yang beragama islam. Selain senjata golok ini juga terdapat senjata lain yang dihasilkan seperti kerambit, mata pedang serta badik mengikut kepakaran dan kemahiran yang ada pada orang pandai besi. Pemilihan dari segi besi yang tepat adalah penting bagi menghasilkan mata golok. Antara besi yang menjadi pilihan untuk proses pembuatan golok adalah besi yang berjenis penyerap hentakan kenderaan, bermata ketam Wagner, besi kuari batu dan besi moden. Besi-besi berkenaan digunakan sebagai bahan untuk pembuatan senjata adalah diketahui bahawa bahan tersebut mengandungi kandungan karbon serta baja besi yang tinggi yang membantu menjaga kekukuhan serta ketahanan sesuatu senjata yang dihasilkan.

Menurut Deny Wahyudi (2018), untuk proses pembuatan senjata pada bahagian mata pisau, bahan seperti besi yang telah dipilih mesti dipotong mengikut saiz yang dikehendaki. Selepas sahaja proses pemotongan kepada beberapa saiz yang dikehendaki, besi tersebut kemudiannya dibakar pada kepanasan atau suhu 400 hingga 500 darjah celcius. Masa yang diambil untuk proses pembakaran pula adalah tidak menentu dan ianya bergantung kepada jenis besi yang digunakan. Selesai proses pembakaran, besi berkenaan perlu melalui proses penempaan iaitu besi berkenaan haruslah ditempa menggunakan tukul supaya dapat dibentuk mengikut saiz serta bentuk yang dikehendaki. Kemudian, proses penyejukan iaitu (sepuhan) yang dikenali sebagai jenis proses sepuhan air. Teknik berkenaan dilakukan untuk mengekalkan ketajaman pada bahagian bilah serta mengeraskan kembali partikel-partikel di dalam besi tersebut. Teknik sepuhan air juga perlu dilakukan secara berhati-hati kerana ianya mampu menyebabkan pisau atau parang berkenaan retak atau sumbing. Selepas itu, dengan menggunakan tiga jenis batu asah yang berlainan gred, proses mengasah yang mengambil tempoh masa selama satu jam dijalankan.

Pada proses akhir bagi pembuatan bilah golok ialah teknik mengasah menggunakan kulit haiwan iaitu kulit lembu. Teknik berkenaan dilakukan bagi proses kemasam terakhir sebelum mata bilah tersebut disapukan minyak khas untuk ketajaman bahagian yang dihasilkan. Proses terakhir dalam teknik mengasah bilah menggunakan kulit lembu merupakan teknik penting yang perlu dilakukan bertujuan untuk menghilangkan habuk besi yang terdapat pada bilah berkenaan. Bagi penghasilan ulu golok pula, kayu yang berkualiti tinggi harus dipilih dengan menggunakan kemahiran para tukang kayu. Menurut Encik N.A. Halim Nasir (1999) dalam kajian motif dan ukiran hulu senjata, penghasilan hulu golok oleh beberapa tukang kayu, kayu jenis bercorak atau berteras seperti Machang Hutan, Sepetir, Arang

Bunga, Sena dan banyak lagi menjadi pilihan bagi menghasilkan sarung serta hulu golok atau parang. Proses pembuatan sarung serta hulu senjata tersebut dimulakan dengan melukis bentuk pisau yang bersesuaian di atas permukaan kayu yang sesuai dengan keadaan saiznya. Kemudiannya kayu tersebut dipotong kepada bentuk kasar model berkenaan dan akan ditebuk menggunakan mesin penebuk atau gergaji yang direka khas untuk menebuk sarung berkenaan. Selepas itu, proses cantuman dengan menggunakan gam kayu serta proses menghaluskan permukaan sarung dan hulu dilakukan. Mesin canai dan kertas pasir digunakan bagi menghaluskan serta melicinkan permukaan sarung sebelum kayu tersebut disemur menggunakan semburan kemas cat dan ianya memerlukan masa sekurang-kurangnya lima jam untuk proses pengeringan yang sempurna.

## **2.5 Masyarakat dan Golok**

Menurut Qomar dkk (2007), Pertumbuhan penduduk di suatu Negara sentiasa akan diikuti dengan peningkatan keperluan taraf hidup masyarakat sebagai cara untuk mengadaptasi dan bertahan hidup di pada sesuatu tempat atau kawasan. Hal ini jelas dilihat dalam kehidupan masyarakat perkampungan yang harus meningkatkan kemahiran serta kemampuan agar dapat menambah pendapatan hidup dan tidak teretusnya isu seperti masalah pengangguran. Ini juga terjadi dahulu pada masa Orde Baru pertumbuhan ekonomi meningkat sebesar 7 % per tahun dengan proses transformasi ekonomi sektor pertanian serta padat dengan karya industri. Hal ini juga mencetuskan industrialisasi yang banyak dinikmati kalangan masyarakat di luar bandar sehingga menimbulkan fenomena trade off terhadap pemerataan. Industrialisasi merupakan jantung dari strategi pembangunan ekonomi yang diadopsi



oleh Pemerintah Orde Baru saat itu (Suryahadi dan Hadiwidjaja, 2011). Sekitar 69 % dari 39,1 juta jiwa penduduk miskin yang tercatat pada tahun 1985-2006 di pedesaan yang mempunyai pendapatan pada sektor pertanian dan industri kesenian oleh beberapa karya. Peredaran zaman yang menuju era Millennium Development Goals (MDG's) 2015 sebelum ini telah menuntut Negara Indonesia supaya menekan faktor kemiskinan yang terdapat sebanyak separuh jumlah penduduk asas disana (Susilowati dkk, 2007). Jadi, masalah seperti kemiskinan dan pemerataan yang berlaku adalah disebabkan kemajuan ekonomi yang hanya berfokuskan pada pertumbuhan industrialisasi. Keadaan Industri yang berkembang bersifat *footloose industry*, ianya merupakan salah satu industri yang padat dengan modal dan bukan industri yang padat dengan karya dalam negeri sehingga tidak menimbulkan kesan pada masyarakat di luar Bandar. Oleh hal yang demikian, tindakan yang kurang efisien tersebut menyebabkan mudah berlakunya pergolakan terhadap perkembangan ekonomi antarabangsa secara makro di negara berkenaan.

Untuk mengetahui identiti atau bukan, keadaan sosial masyarakat setempat harus difahami terlebih dahulu kerana keadaan sosial masyarakat dapat diwakili dari keadaan individu yang tinggal didalamnya. Identiti terbentuk dalam diri setiap orang adalah berdasarkan apa yang dialaminya sejak masih kecil seperti dalam ruang lingkup keluarga dan berkembang lalu kemudiannya seiring dengan pertambahan usia dan terjalinnya hubungan dengan dunia luar secara lebih terbuka. Manusia merupakan makhluk yang mempunyai nilai sosial serta komunikasi dalam kehidupannya yang tersendiri. Ini boleh dilihat terhadap manusia yang tinggal berkelompok dan membangun sebuah sistem sosial yang disesuaikan dengan keperluannya. Sebuah identiti bagi beberapa kelompok akan membentuk berkelompok secara tidak langsung dalam proses manusia menjalani kehidupan. Hal ini kerana antara setiap kelompok

satu dengan kelompok yang lainnya adalah memiliki kehidupan yang berbeza dan perbezaan itulah merupakan satu diantara benda atau alat digunakan oleh masyarakat yang dapat dilihat bagi membantu sesuatu kehidupan yang saling bergantung antara satu sama lain. Sebagai contoh perbezaan dari segi penggunaan serta penghasilan sesuatu alatan atau produk mampu digunakan sebagai simbol kepada identiti dari sebuah kelompok yang berlainan.

Dalam setiap pemerintah suatu pedesaan akan terdapatnya peranan yang relevan bagi pengendalian proses sosial di dalam masyarakat. Antara tugas atau peranan utama yang harus dijalankan oleh setiap Pemerintahan Desa adalah usaha untuk menciptakan atau menghasilkan kehidupan yang lebih demokratik serta ianya mampu memberikan satu daya sosial yang lebih baik. Hal ini dianggap sesuatu yang sangat penting sehingga usaha tersebut dapat membawa atau membuat pendudukannya berada dalam kehidupan yang sejahtera, harmoni, aman dan adil (Solekhan, 2012). Jadi, sumber daya usaha setiap pemerintah dalam sesuatu desa mampu menggerakkan seluruh kebolehan dan keupayaan setiap masyarakatnya. Berdasarkan pandangan perspektif berkenaan setiap tujuan serta usaha dari pemerintah desa bagi meningkatkan keberdayasaingan dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat mampu dicapai dengan pembinaan dalam pelbagai bidang. Dengan ini, masyarakat dalam setiap pedesaan mampu menyokong diri sendiri agar tidak terjatuh ke tahap yang lebih rendah dengan menggunakan daya usaha dalam penghasilan sesuatu produk serta barangan yang berunsurkan pengaruh kelompok pemerintahan pedesaan yang diterapkan (Ulumiyah, Gani, dan Mindarti, 2013).

Secara sosiologis, masyarakat yang tinggal di desa akan merasa nyaman dan selesa dengan sistem pemerintahan desa yang sesuai. Sistem pemerintahan desa ini telah menjalar dan telah menjadi salah satu daripada bagian kehidupan sosial masyarakat di

desa walaupun sebenarnya desa ini bukan berasal dari identiti adat mereka (Andora, 2011). Oleh hal yang demikian, apabila masyarakat diusahakan untuk mengedalikan suatu aktiviti dalam program-program tertentu, kebiasaannya masyarakat pedesaan mampu mengatasi persoalan serta permasalahan yang dihadapi (Sutiyono, 2008). Ini boleh dilihat dalam program aktiviti desa karya salah satu tukang pandai besi, terutama yang berada di Desa Kajar. Pada saat berkenaan masyarakat desa tersebut semakin mahir dengan sumber daya yang dimiliki. Kepakaran serta kemahiran berdasarkan sumber yang ada pada mereka mampu membantu kestabilan pemerintahan serta ekonomi penduduk. Pada awalnya, pemerintahan sebelum ini dipraktikkan menjadi desa karya oleh masyarakat Kajar yang sudah terkenal dengan “tukang pandai besi” dan ini boleh dilihat dari aktiviti mereka yang masih banyak yang menceburi usaha tersebut sebagai sumber pendapat mereka.

Menurut Al Fadhli (2013), terdapat juga kepentingan dari segi sejarah iaitu alat senjata seperti golok ini mampu memainkan peranan penting dalam generasi muda masa kini. Ini kerana alat seperti ini kurang pendedahan dari segi bentuk, cara penggunaan serta cara menghasilkannya. Walaupun senjata ini berasal dari nusantara, namun senjata tradisional seperti ini amat berkait rapat dengan sejarah Melayu yang diwarisi oleh orang Melayu sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Persejaraan senjata di Malaysia amat rapat dengan unsur-unsur seni mempertahankan diri seperti silat.

Menurut A. Samad Ahmad (1986), senjata seperti ini mempunyai ciri-ciri reka bentuk atau nilai estetikanya yang tersendiri. Sebagai contoh corak-corak yang dibentuk pada senjata melambangkan nilai-nilai estetika yang tersendiri dalam menggambarkan daya imaginasi unsur kemelayuan sejak zaman- berzaman dengan teliti dan kreatif. Dengan pelbagai bentuk senjata warisan tradisional yang

kebanyakannya berasal- usul dari luar yang kemudiannya diwarisi oleh nenek moyang mereka. Warisan berkenaan juga melambangkan ketinggian serta kecerdasan daya pemikiran dalam mengungkapkan segala makna yang tersurat dan tersirat. Dalam pada itu, senjata ini juga mempengaruhi hubungan sosial dan kebudayaan dalam sesuatu masyarakat. Golok atau parang pendek ini kebiasaannya digunakan dalam melapah serta memotong kulit haiwan terutamanya semasa perayaan korban. Dengan ini masyarakat setempat akan berkumpul untuk saling membantu dalam melakukan aktiviti korban bersama. Oleh hal yang demikian, kesefahaman antara penduduk juga dapat dijalinan.

## **2.6 Pemeliharaan**

Menurut Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff (2013), pemeliharaan merupakan sesuatu proses untuk memberhentikan sesuatu koleksi daripada mengalami kemerosotan lanjut atau kerosakan, keadaan yang usang ataupun reput, dan menyediakan kaedah yang selamat untuk menjaga sesuatu koleksi daripada sesuatu yang boleh menjejaskan keadaan koleksi. Dengan menggunakan kaedah membantut atau memperlakukan proses pereputan dan kemerosotan ke atas setiap koleksi ini dapat mengelakkan koleksi daripada terus berada dalam keadaan yang usang dan mengalami pereputan. Jangka hayat setiap koleksi juga akan terjamin sekiranya pemeliharaan koleksi dilakukan dengan baik. Berdasarkan kajian literatur ini penyelidik mendapat sedikit maklumat berkaitan dengan kaedah yang digunakan untuk melambatkan pereputan sesuatu koleksi.

Menurut Itaratnasari (2015), tindakan wajar bagi memelihara koleksi artifak seperti senjata (golok) boleh dilakukan dengan kaedah konservasi kuratif. Hal ini

boleh dilihat melalui tindakan terus ke atas artifak atau kumpulan artifak yang bertujuan untuk menghentikan proses kemerosatan semasa atau memperkuat strukturnya. Tindakan ini hanya dilakukan apabila objek atau artifak berada dalam keadaan rapuh atau merosot pada kadar pantas, sehingga boleh menyebabkan kemusnahan artifak dalam waktu yang singkat. Tindakan ini ada kalanya mengubah penampilan sesuatu artifak. Artifak lazimnya melalui kaedah rawatan secara mekanikal dan kimia dengan tujuan pemeliharaan dan pencegahan dari kerosakan yang berterusan. Kerja-kerja ini dapat diperincikan kepada penilaian kondisi artifak, analisis komposisi bahan, rawatan mekanikal dan kimia dan perlindungan.

Walaupun seperti yang dilihat dalam sesebuah negara yang sudah menghampiri arus pemodenan dalam semua perkara termasuk teknologi, warisan lama tidak seharusnya ditinggalkan mahupun dilupakan kerana warisan negara ini dapat memberikan pelbagai kepentingan kepada semua dalam pelbagai cara terutama sekali adalah pembangunan jati diri dalam masyarakat. Pemeliharaan koleksi perlu dilakukan dengan mengikut cara yang betul supaya koleksi tidak rosak disebabkan faktor-faktor kerosakan koleksi iaitu seperti faktor persekitaran, faktor suhu, faktor cahaya dan sebagainya. Dalam kajian literatur ini, penyelidik akan mengkaji cara pemeliharaan yang dilakukan oleh orang pandai besi dalam masyarakat di daerah Pasir Puteh, Kelantan. Hal ini demikian kerana, golok merupakan satu jenis warisan yang perlu dijaga bersama agar tidak luput dalam arus pemodernan ekonomi Negara..

## 2.7 Perbincangan Kritikan

Tidak dapat dinafikan bahawa di dalam kajian-kajian terdahulu yang dilihat mempunyai pelbagai maklumat yang penting dan sangat mencukupi yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan ini. Walaupun demikian, Terdapat juga sesetengah kajian terdahulu yang tidak memberikan maklumat yang lengkap disebabkan oleh beberapa hal iaitu masalah-masalah data yang tidak dapat dibuka oleh penyelidik malah ada juga yang berpunca daripada pengkaji lepas yang tidak boleh mendapatkan maklumat berkenaan kajiannya disebabkan oleh tidak dapat bersemuka atau menemu bual responden-responden yang terlibat atas sebab-sebab tertentu. Hal ini menyebabkan kajian terdahulu itu tidak lengkap dan tidak mencapai objektif yang diinginkan. Kritikan pada kajian ini adalah pengkaji kajian terdahulu ini tidak menerangkan dengan lebih lanjut berkaitan dengan kaedah yang digunakan untuk pemeliharaan koleksi. Ini dapat dilihat dari segi penjagaan, penghasilan, serta penggunaan golok atau parang pendek dalam masyarakat di daerah Pasir Puteh, Kelantan. Ianya juga mampu melambangkan sesuatu identiti dalam sesuatu masyarakat. Jadi pemeliharaan terhadap barang bukan organik seperti golok ini wajar dilakukan dalam masyarakat. Hal ini juga kerana masyarakat di daerah Pasir Puteh, Kelantan masih lagi menggunakan senjata berkenaan untuk kegunaan harian mereka.

## 2.8 Kesimpulan

Hasil daripada kajian terdahulu, pengkaji dapat membentangkan bahan-bahan bacaan mahupun sebarang penyelidikan terdahulu yang berkaitan dengan tajuk. Berdasarkan daripada kajian literasi juga pengkaji memperolehi sebarang maklumat serta sumber yang baru ketika membuat kajian ini mahupun ketika membuat penulisan projek penyelidikan. Selain itu. Kajian literasi yang telah dibentangkan ini mampu mengukuhkan lagi tajuk kajian yang dipilih ini dari segi maklumat dan fakta yang terdapat dalam kajian ini. Secara tidak langsung, hasil kajian literasi ini mampu memberikan informasi baharu kepada pengkaji untuk pengetahuan umum. Berdasarkan kajian terdahulu, dapat disimpulkan bahawa pentingnya penjagaan atau pemeliharaan sesuatu artifak yang dilakukan dengan betul dan berkesan. Hal ini membolehkan penyelidik memperolehi idea-idea yang dapat membantu dalam menyelesaikan kajian ini dengan lebih kreatif dan jelas dalam penyampaian sesuatu maklumat. Dalam masa yang sama, masyarakat juga akan terdedah dalam kaedah penjagaan atau pemeliharaan sesuatu artifak seperti senjata.

## **BAB TIGA**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.0 Pengenalan**


Dalam bab ketiga ini pengkaji menerangkan mengenai kaedah atau langkah yang digunakan dalam mendapatkan informasi-informasi berkaitan kajian. Kaedah Metodologi yang telah digunakan dapat membantu pengkaji untuk memperolehi maklumat yang berkesan serta relevan dengan kajian yang dijalankan. Hal ini juga membolehkan sesuatu data dan juga analisis yang dijalankan mampu dihuraikan dengan lebih terperinci. Bab ini membincangkan tentang metodologi kajian yang mengandungi reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan pendekatan yang digunakan adalah pendekatan kualitatif. Pendekatan kualitatif merupakan kajian yang dilakukan dengan menggunakan kaedah pemerhatian, temubual, analisis dokumen, artikel, laman sesawang dan nota lapangan yang digunakan untuk mendapatkan maklumat yang lebih lengkap. Antara kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif adalah kajian kes, kajian tindakan, kajian lapangan dan analisis data. Metodologi kajian yang pengkaji gunakan untuk menjalankan penyelidikan ini adalah melalui empat cara, iaitu kaedah pemerhatian, kaedah temu bual dan kaedah rujukan.

#### **3.1 Lokasi Kajian**

Dalam menjalankan penyelidikan ini, penyelidik telah menetapkan lokasi atau kawasan yang dikenalpasti untuk melengkapkan kajian yang dilakukan. Kawasan yang dipilih adalah sebuah kampung yang menempatkan penduduk yang masih lagi menggunakan senjata lama seperti golok. Lokasi Kampung Chengal Batu ini adalah di dalam kawasan pendalaman yang terletak dalam daerah jajahan Pasir Puteh, Kelantan



(Rajah 3.1). Tempatnya strategik dimana disekitarnya telah menempatkan penduduk kampung yang mahir dalam pembuatan golok atau pandai besi. Jarak kampung dengan lokasi tempat tinggal penyelidik adalah sejauh 6.2 kilometer (KM) dan hanya memakan masa 7 menit untuk tiba di lokasi kajian. Pemilihan kampung ini sebagai subjek kajian dalam pemeliharaan golok adalah disebabkan salah seorang penduduk di kawasan ini merupakan seorang tukang besi yang mahir dalam pembuatan senjata serta penjagaannya. Kepakaran sebegini adalah penting dalam melindungi artifak yang mempunyai nilai sejarah dan perlu dipelihara dengan baik. Kemahiran yang tepat dalam penjagaan artifak secara berpengalaman dan sistematik dapat memanjangkan jangka hayat sesuatu barang artifak berharga.




Rajah 3.1: Peta Kampung Chengal Batu, Pasir Puteh, Kelantan.

Sumber : Google Maps (2021) pada 7 Februari 2021 daripada <http://maps.google.com>

### 3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merupakan salah satu kaedah kajian yang digunakan bagi menentukan kaedah yang perlu dalam proses penyelidikan yang dijalankan. Jadi reka bentuk kajian ini adalah bertujuan dalam memfokuskan sesuatu pengumpulan data, analisis serta penulisan (Carta alir 3.1). Ianya dijalankan dengan menggunakan beberapa proses penyelidikan yang teliti dan terperinci terhadap jenis masalah dan juga isu yang dihadapi oleh pengkaji. Oleh hal yang demikian, pengkaji perlu menilai dan memilih kaedah kajian yang sesuai dengan kajian yang dijalankan. Jadi pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif bagi mendapatkan maklumat penting dan berkaitan dengan informan seperti menemu-bual salah seorang pembuat golok serta tiga orang penduduk setempat di daerah berkenaan.



Carta Alir 3.1: Reka Bentuk kajian

### 3.3 Kaedah Pengumpulan Data

Pengumpulan data merupakan satu kaedah bagi memperolehi maklumat yang berkaitan dengan kajian serta penyelidikan yang dijalankan. Melalui penelitian, kaedah pengumpulan data ini merupakan satu proses yang penting untuk mendapatkan hasil melalui penelitian secara teliti. Ianya mampu meliputi beberapa jenis sumber secara langsung mahupun tidak langsung.

Sumber maklumat data pula terdapat dua bahagian iaitu data primer dan juga data sekunder. Data primer merupakan data yang secara langsung oleh individu secara bersemuka dengan rasmi mahupun tidak rasmi. Manakala, data sekunder pula ialah kaedah mengumpul data melalui hasil bacaan, kajian lapangan dan juga kajian teori beserta dengan rujukan daripada dokumen-dokumen hasil daripada kajian lepas. Dalam kajian kepentingan golok atau parang pendek dalam masyarakat di daerah Pasir Puteh, Kelantan, pengkaji telah menggunakan kedua-dua kaedah tersebut.

#### 3.3.1 Data Primer

Data primer ialah sumber maklumat atau data yang diperolehi terus daripada sumber pertama. Antara teknik yang digunakan untuk mendapatkan data primer adalah kaedah temubual, tinjauan, kajian lapangan, pemerhatian dan soal selidik. Hasil dapatan daripada kaedah ini dikategorikan sebagai data primer kerana penyelidik terlibat secara langsung dengan permasalahan yang dikaji. Setiap data primer khasnya dikumpulkan melalui penelitian yang terperinci bagi menjawab persoalan yang timbul daripada kajian. Data primer yang sering digunakan dalam kajian ini adalah kaedah temubual secara berstruktur. Pengkaji akan menemu bual melalui soalan yang bakal disediakan, memerhati kawasan kajian dengan menangkap beberapa keping gambar artifak

serta mencatat beberapa maklumat yang berkaitan kajian dalam penulisan nota. Dalam kajian kes ini, kaedah yang dapat dilihat digunakan oleh penyelidik adalah :

### **3.3.1.1 Pemerhatian**

Kaedah pemerhatian merupakan kaedah terawal dalam menjalankan penyelidikan. Kaedah pemerhatian ini adalah salah satu kaedah yang digunakan untuk memerhati keadaan kawasan kajian yang hendak dikaji secara rawak atau umum. Menurut Ghony dan Fauzan (2012), kaedah pemerhatian ini merupakan cara atau teknik yang berkesan untuk mengawasi perilaku dalam lingkungan serta ruang, masa, dan keadaan tertentu. Namun cara ini tidak semua perlu dituruti oleh peneliti. Kaedah dijalankan dalam kajian ini adalah dengan memerhati bengkel pembuatan senjata, kerosakan yang terdapat pada senjata, faktor kerosakan senjata serta pemeliharaan yang boleh dilakukan dalam masyarakat setempat. Melalui kaedah pemerhatian ini, penyelidik telah mendapatkan maklumat dengan lebih jelas mengenai proses atau kaedah yang dapat digunakan dalam memelihara senjata lama supaya lebih terjaga dan tahan lama. Kaedah ini telah dilaksanakan di bengkel milik tukang besi atau pembuat golok yang tinggal di Kampung Chengal Batu, dalam daerah Pasir Puteh, Kelantan. Dengan adanya bengkel milik Encik Zainudin Bin Hassan ini telah memudahkan lagi penyelidik dalam pengumpulan data semasa kaedah pemerhatian dijalankan. Dalam melaksanakan kajian, penyelidik telah menggunakan alat bantuan teknologi moden seperti perakam video dan juga kamera selain daripada membuat nota dan catatan. Berikut rajah 3.1 menunjukkan bukti bergambar iaitu beberapa senjata golok yang telah direkod pengkaji setelah kaedah pemerhatian awal

dijalankan di sebuah bengkel milik tukang besi yang terletak di Kampung Chengal Batu, Pasir Puteh, Kelantan.




Rajah 3.2 :Teknik tempaan Mata Golok  
(Sumber : Kajian Lapangan (11/08/2021))

### 3.3.1.2 Temubual

Temubual adalah melibatkan individu atau kelompok kumpulan yang ingin di temubual bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang berkaitan supaya dapat dijadikan bukti kajian dan penambahan maklumat yang berkaitan dengan objektif kajian. Menurut Rosa dan Shalahuddin (2013), teknik pengumpulan data dengan cara menemu bual responden adalah lebih efisien jika jumlah sumber daya yang digunakan untuk mendapatkan data adalah dalam jumlah yang banyak. Antara langkah pelaksanaan yang penyelidik telah gunakan adalah dengan cara menemu bual secara terbuka dan di rekodkan secara bertulis oleh penyelidik. Menemubual secara maya atau secara atas talian juga telah dilakukan disebabkan dari permasalahan seperti PKP Perintah Kawalan Pergerakan dilakukan di kawasan kajian lapangan. Hal ini bagi mendapatkan info yang tepat daripada informan iaitu, Encik Ahmad Zainudin

Bin Hassan yang tinggal di alamat No 1, Klinik Mesin Jahit Dapur Gas, Lebuhraya Sri Aman (by pass), 16800 Pasir Puteh, Kelantan. ini kerana beliau merupakan tukang besi yang berkemahiran dalam pembuatan Golok atau Keris. Jadi, pengkaji telah menemu bual Encik Ahmad Zainudin Bin Hassan, tukang besi yang berusia 57 tahun ini serta 3 orang masyarakat setempat yang mahir mengenai golok iaitu di Kampung Chengal Batu, Pasir Puteh, Kelantan. Antara soalan yang akan diketengahkan adalah berkaitan dengan jenis senjata lama, kerosakan yang terdapat pada koleksi, cara pembuatan, cara pemeliharaan serta penjagaan senjata secara tepat dan kesan daripada penjagaan senjata lama terhadap masyarakat setempat. Selain itu, pengkaji telah membuat wawancara kepada responden berkenaan pada hari minggu iaitu pada hari jumaat dan sabtu supaya masyarakat setempat tidak mempunyai kesibukan dalam pekerjaan mereka. Penyelidik juga telah melakukan kaedah temubual melalui atas talian apabila terdapat percanggahan maklumat ataupun data yang diperolehi tidak lengkap semasa temubual secara terbuka dilakukan. Dalam kajian ini, pengkaji akan menemuramah salah seorang pembuat golok yang mengetahui hal-hal yang berkaitan senjata bagi menjawab objektif kedua dan 3 orang penduduk setempat bagi menjawab objektif pertama dan ketiga. Berikut rajah 3.2 merupakan bukti hasil daripada catatan pada nota setelah kaedah temubual dilakukan oleh pengkaji.



Rajah 3.3 :Catatan nota temu bual

(Sumber : Kajian Lapangan (11/08/2021))



Rajah 3.4 : Temubual Encik Ahmad Zainudin

(Sumber : Temubual pada (30/07/2021))

Informan yang pertama yang telah di temubual oleh penyelidik adalah Encik Ahmad Zainudin Bin Hassan atau lebih dikenali dengan panggilan Abe Din (Rajah 3.4). Beliau berumur 55 tahun dan merupakan tukang besi serta tukang mesin. Taraf pendidikan beliau adalah pada peringkat Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM). Beliau telah menceburi bidang pertukangan sejak daripada kecil lagi kerana sering terpengaruh dengan aktiviti pertukangan bapanya sebelum ini. Pada usianya lewat 20-an beliau berkhidmat sebagai pekerja operasi di sebuah syarikat perabot selama lebih 10 tahun dan oleh itu beliau mahir dalam membaiki barangan berenjin seperti mesin jahit, peti, mesin

basuh dan sebagainya. Sekarang beliau lebih memfokuskan minatnya dalam seni pembuatan senjata seperti keris, kerambit dan golok. Oleh itu, beliau merupakan orang yang sangat berpengalaman dan serba tahu dari segi penghasilan serta penjagaan senjata lama ini. Temubual telah dijalankan di bengkel milik Encik Ahmad Zainudin pada pukul 5 petang pada hari jumaat bersamaan dengan 30 Julai 2021.



Rajah 3.5 : Temubual Encik Mohd Nazrie Bin Junaidi

(Sumber : Temubual pada (24/12/2021))

Informan yang kedua yang telah ditemubual adalah Encik Mohd Nazrie Bin Junaidi (Rajah 3.5). Beliau merupakan seorang pencen askar yang berusia 52 tahun. Taraf pendidikan beliau adalah pada peringkat Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM). Beliau merupakan salah seorang penduduk Kampung Chengal Batu dalam daerah Pasir Puteh, Kelantan. Beliau sering berkunjung ke bengkel milik Encik Ahmad Zainudin bertujuan menempah senjata seperti golok dan kerambit. Tujuan beliau sering menempah senjata berkenaan dengan Encik Ahmad Zainudin kerana senjata seperti golok bakal dipertunjukkan dalam satu pertandingan yang akan diadakan nanti. Temubual ini telah



dijalankan di bengkel milik Encik Ahmad Zainudin pada hari Jumaat bersamaan 24 Disember 2021 pada pukul 11 pagi.



Rajah 3.6 : Temubual Encik Edzham Bin Mohd Rosli

(Sumber : Temubual pada (24/12/2021))

Informan yang ketiga adalah Encik Edzham Bin Mohd Rosli (Rajah 3.6). Beliau merupakan seorang petani dan penternak yang menjalankan usahawan kecil-kecilan miliknya sendiri. Beliau berumur 44 tahun dan berasal dari Wakaf Che Yeh, Kota Bharu, Kelantan dan kini bertempat di Kampung Chengal Batu, Pasir Puteh, Kelantan. Temubual bersama beliau juga dijalankan di bengkel milik Encik Ahmad Zainudin. Hal ini kerana beliau kerap kesana untuk mempelajari teknik pembuatan serta teknik penjagaan senjata daripada Encik Ahmad Zainudin. Temubual ini dijalankan adalah untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan kerosakan yang sering dialami senjata golok dalam masyarakat di daerah Pasir Puteh, Kelantan. Melalui temubual tersebut sedikit- sebanyak penyelidik dapat memperolehi maklumat yang berkaitan dengan faktor serta bahagian-bahagian senjata yang sering mengalami kerosakan.



Rajah 3.7 : Temubual Encik Kahirul Nizam Bin Yusoff

(Sumber : Temubual pada (18/12/2021))

Informan yang keempat ialah Encik Kahirul Nizam Bin Yusoff (Rajah 3.7). Beliau bekerja sebagai Ketua Pembantu Pengurusan Air Kelantan. Beliau berumur 45 tahun dan berasal dari Kampung Sungai Kelong, Pasir Puteh, Kelantan. Temubual dijalankan pada 18 Disember 2021 bersamaan hari Sabtu pada pukul 5 petang. Temubual ini dijalankan adalah untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan kesan terhadap pemeliharaan senjata seperti golok ini dalam kalangan masyarakat di daerah Pasir Puteh, Kelantan. Melalui temubual tersebut sedikit- sebanyak penyelidik dapat memperolehi maklumat yang berkaitan dengan faedah serta kebaikan yang diharapkan dapat digunakan oleh generasi pada masa akan datang.

### 3.3.2 Data Sekunder

Data sekunder pula merupakan salah satu sumber data yang diperolehi daripada sumber kedua iaitu secara penelitian daripada media perantaraan atau sumber data yang tidak langsung seperti buku, catatan diari atau bukti yang telah wujud. Melalui kajian tersebut, pengkaji mampu merujuk beberapa buku, jurnal, artikel, bahan-bahan rujukan, maklumat-maklumat kajian lepas serta penulisan tertentu yang berkaitan dengan penyelidikan kajian iaitu kepentingan pemeliharaan golok atau parang pendek dalam masyarakat di daerah Pasir Puteh, Kelantan. Kaedah ini juga diklasifikasikan sebagai kajian perpustakaan. Dalam kajian ini, kaedah yang digunakan oleh penyelidik adalah:

#### 3.3.2.1 Perpustakaan

Kajian perpustakaan adalah salah satu instrumen yang digunakan daripada rujukan buku. Penyelidik melakukan penelitian ke atas buku-buku yang mengandungi maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian yang dijalankan. Kaedah yang dilakukan oleh penyelidik ini adalah kaedah yang utama bagi mendapatkan beberapa maklumat mengenai senjata dan juga kaedah pemeliharaan senjata secara tepat dan berkesan digunakan oleh golongan masyarakat. Melalui kaedah rujukan buku ini, penyelidik dapat menambahkan pengetahuan yang lebih luas berkaitan dengan senjata serta bentuk penjagaan yang lebih sistematik di dalam kalangan masyarakat.

#### 3.3.2.2 Internet

Penyelidik juga telah merujuk laman sesawang untuk mendapatkan beberapa maklumat dan data tambahan yang boleh digunakan untuk membantu penyelidik menyiapkan kajian yang dijalankan. Kaedah internet merupakan

kaedah yang digunakan untuk mendapatkan maklumat di atas talian. Melalui kaedah ini, penyelidik telah merujuk artikel-artikel yang berkaitan untuk dijadikan sebagai bahan rujukan. Antara artikel yang dilayari oleh penyelidik melalui laman sesawang adalah seperti *'Traditional Parang & Metal Arms Craftsmanship in Kota Belud Sabah'* iaitu sebuah artikel yang dibuat oleh Noorajamsha Nasrin & Azizan H Morshidi (2013), yang memperjelaskan tentang Pembuatan Parang dan Senjata Besi di Kota Belud Sabah. Dengan adanya artikel seperti ini penyelidik dapat mengetahui lebih lanjut tentang faktor kerosakan, kaedah penjagaan senjata serta kesan pemeliharaan senjata lama dalam masyarakat setempat.

### 3.4 Jadual Metodologi

Bil.	Objektif Kajian	Kaedah Kajian
1.	Mengenalpasti kerosakan yang sering terjadi pada golok atau parang pendek dalam masyarakat di Pasir Puteh, Kelantan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemerhatian</li> <li>• Temubual</li> </ul>
2.	Membincangkan cara pemeliharaan golok atau parang pendek dalam masyarakat di Pasir Puteh, Kelantan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemerhatian</li> <li>• Temubual</li> <li>• Perpustakaan</li> <li>• Internet</li> </ul>
3.	Menganalisis kesan pemeliharaan golok atau parang pendek dalam masyarakat di Pasir Puteh, Kelantan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Temubual</li> <li>• Perpustakaan</li> <li>• Internet</li> </ul>

Jadual 3.1 : Jadual kaedah analisis data

### 3.5 Kesimpulan

Metodologi kajian merupakan aspek penting dalam melaksanakan sesuatu kajian. Hal ini bagi membolehkan pengkaji mengetahui kaedah yang bakal digunakan sewaktu kerja-kerja pemeliharaan senjata dijalankan. Melalui metodologi kajian, pengkaji dapat melakukan perancangan terlebih dahulu mengenai kaedah yang akan digunakan bagi mendapatkan data- data dalam membuat kajian ini. Kaedah yang digunakan adalah bertujuan untuk mendapatkan data yang lebih tepat kerana setiap data perlu direkodkan bagi membolehkan penyelidik memahami kaedah yang digunakan sewaktu proses kajian ini dijalankan. Selain itu, melalui kaedah-kaedah yang dijalankan ini, membolehkan lagi penyelidik memahami dengan lebih jelas mengenai kaedah pemeliharaan yang dijalankan oleh salah seorang pembuat senjata. Hal kerana data yang diperolehi adalah sah serta berdasarkan daripada pengalaman pengkaji sendiri.

## **BAB 4**

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **4.0 Pengenalan**

Dalam bab ini, penyelidik akan menerangkan tentang data-data yang telah diperolehi semasa menjalankan kajian lapangan dengan lebih terperinci. Hal ini adalah satu penemuan secara khusus tentang subjek kajian yang diperolehi melalui pelbagai rujukan seperti temubual, bahan ilmiah serta pemerhatian di lokasi tumpuan iaitu di bengkel milik Encik Ahmad Zainudin yang terletak di NO 1, KLINIK MESIN JAHIT DAPUR GAS, LEBUHRAYA SRI AMAN (BY PASS), 16800 PASIR PUTEH, KELANTAN. Seperti yang telah dinyatakan dalam bab-bab sebelumnya, terdapat tiga objektif kajian yang telah dikemukakan oleh penyelidik. Keseluruhannya, huraian dalam bab ini akan menjawab objektif dan persoalan kajian yang telah ditetapkan oleh penyelidik.

Golok merupakan salah satu senjata yang dianggap mempunyai kepentingan umum kepada masyarakat yang tinggal di kawasan luar Bandar. Hal ini kerana kegiatan seharian penduduk seperti menebas semak samun, melapah kulit haiwan, memotong ranting dan banyak lagi merupakan satu kegiatan yang sudah biasa dilakukan penduduk perkampungan. Jadi bengkel milik salah seorang pembuat besi ini adalah satu tempat penting bagi mengenal serta mengetahui dengan lebih lanjut berkenaan pemeliharaan senjata seperti golok. walaupun senjata ini dianggap remeh oleh segelintir masyarakat namun keberadaannya pasti dimiliki oleh lebih separuh penduduk yang tinggal di kawasan luar Bandar. Hal ini kerana senjata seperti ini bukan sahaja mampu digunakan untuk kegiatan seharian, namun ianya juga disimpan sebagai alat untuk mempertahankan diri. Ianya dianggap sebagai simbol keberanian kepada si pemilik daripada terjadinya serangan musuh seperti menyamun, merompak,

mencuri serta aktiviti jenayah lainnya. Oleh hal yang demikian, pemeliharaan terhadap senjata tersebut wajar dilakukan serta dipraktikkan oleh penduduk setempat. Dalam masa yang sama juga, kadar kerosakan serta kadar pembuangan senjata lama akan semakin berkurangan. Oleh sebab itu, pengurusan yang sistematik yang dijalankan terhadap sesuatu koleksi senjata memainkan peranan penting demi menjaga dan mengekalkan keaslian sesuatu barangan artifak agar tidak hilang keasliannya disebabkan oleh kerosakan-kerosakan yang berlaku pada koleksi.

#### **4.1 Analisis Demografi**

Di dalam kajian ini, penyelidik telah menemubual empat orang informan secara bersemuka dan melalui atas talian untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan jelas berkenaan dengan tajuk kajian penyelidik iaitu kajian mengenai cara pemeliharaan golok atau parang pendek dalam masyarakat di Daerah Pasir Puteh, Kelantan. Penyelidik telah berjaya mengumpulkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan kajian melalui hasil temubual yang dijalankan. Kajian yang dijalankan adalah mengikut skop-skop soalan yang telah disediakan berdasarkan kajian penyelidik dan soalan tersebut juga dijawab oleh informan mengikut skop-skop soalan yang ditanya. Hasil dapatan kajian yang diperolehi adalah melalui empat orang informan utama dimana mereka merupakan seorang pembuat golok atau tukang besi serta tiga orang penduduk kampung di kawasan sekitar yang mahir berkenaan senjata golok ini. Pengkaji telah menemu-bual informan pertama iaitu encik Ahmad Zainudin Bin Hassan bagi menjawab objektif kedua iaitu cara pemeliharaan golok atau parang pendek dalam masyarakat di daerah Pasir Puteh, Kelantan. manakala, informan kedua iaitu Encik Mohd Nazrie Bin Junaidi dan informan ketiga iaitu Encik Edzham Bin Mohd Rosli akan menjawab kepada objektif pertama iaitu jenis serta faktor kerosakan

yang sering dialami golok atau parang pendek. Dan akhir sekali informan keempat iaitu Encik Kahirul Nizam Bin Yusoff pula akan menjawab kepada objektif ketiga iaitu kesan daripada pemeliharaan golok atau pendek dalam masyarakat di daerah Pasir Puteh, Kelantan.

#### **4.2 Hasil Analisis dan Dapatan Kajian**

Berikut adalah merupakan hasil dapatan kajian yang telah dianalisis secara naratif. Hasil kajian ini dirungkaikan mengikut objektif –objektif kajian penyelidikan.

##### **4.2.1 Mengenalpasti kerosakan yang sering terjadi pada golok atau parang pendek dalam masyarakat.**

Kerosakan merupakan satu proses berterusan yang terjadi terhadap sesuatu barangan artifak jika tidak dijaga mengikut kesesuaiannya. Ianya juga mampu menyebabkan rupabentuk sesuatu barangan artifak itu menjadi cacat dan kurangnya nilai estetika. Hal ini disebabkan berlakunya kerosakan warisan akibat daripada beberapa faktor kerosakan iaitu kerosakan ekstrusif dan kerosakan intrusif. Kerosakan ekstrusif ialah kerosakan yang terjadi akibat faktor luaran yang berlaku terhadap sesuatu barangan artifak tersebut dan ianya adalah terbahagi kepada dua bahagian iaitu tindakan mekanikal dan tindakan kemikal. Tindakan mekanikal ialah tindakan yang berlaku disebabkan oleh faktor luluhawa, hakisan, regangan, bencana alam, kesotan dan vandalism. Manakala tindakan kemikal pula berlaku disebabkan oleh faktor air, udara, parasite, tumbuhan seni, serangga. Kerosakan intrusif pula ialah kerosakan yang berlaku akibat faktor dalaman artifak itu sendiri seperti bahan yang digunakan untuk membuat artifak berkenaan dan ianya juga terbahagi kepada



dua bahagian iaitu kandungan bahan dan reka bentuk atau struktur. Kandungan bahan ialah seperti organik dan bukan organik, manakala reka bentuk ialah struktur serta bahan binaan sesuatu artifak tersebut.

Menurut Encik Mohd Nazrie Bin Junaidi atau lebih dikenali sebagai Ayoh Yie, berkata bahawa antara punca yang menyebabkan kerosakan sering berlaku pada artifak adalah disebabkan oleh pencahayaan, kelembapan, vandalism dan usia artifak itu sendiri. Risiko utama yang membolehkan senjata seperti golok itu rosak adalah disebabkan oleh tindakan manusia. Hal tersebut menyebabkan golok itu mengalami kerosakan seperti pecah atau reput pada bahagian sarung serta hulu golok yang terbuat daripada bahan organik seperti kayu (Rajah 4.1). Menurutnya lagi, senjata seperti itu seharusnya digunakan serta dibersihkan sepadan mengikut kesesuaiannya. Dalam pada itu, senjata seperti golok ini perlulah disimpan di tempat yang sesuai dan aman bagi mengelakkan daripada berlakunya kerosakan secara berlanjutan. Selain itu, suhu juga memainkan peranan terhadap sesuatu koleksi. Senjata daripada bahan buatan besi perlu dijauhkan daripada suhu yang terlalu tinggi dan terlalu rendah. Hal ini menyebabkan pengaratan terhadap koleksi mudah berlaku (Rajah 4.2).

Menurut Encik Ezdham Bin Mohd Rosli pula, kerosakan paling ketara pada golok yang sering terjadi dalam masyarakat di Daerah Pasir Puteh, Kelantan yang dapat diperhatikan oleh penyelidik adalah berlakunya pengaratan pada senjata tersebut. Hal ini berpunca daripada faktor usia koleksi tersebut yang terlalu lama dan tidak diselenggarakan dengan baik. Faktor persekitaran juga memainkan peranan terhadap pengaratan yang berlaku kepada senjata iaitu pada bahagian mata golok kerana kehadiran air dan udara

yang memberikan kelembapan pada koleksi logam atau besi yang menyebabkan tindak balas berlaku ke atas koleksi tersebut. Sekiranya koleksi tersebut dibiarkan berkarat terlalu lama ia boleh menyebabkan koleksi tersebut mengalami kerosakan yang semakin buruk seperti patah dan mereput. Oleh hal yang demikian, keaslian yang terdapat pada koleksi tersebut akan hilang.

Selain itu juga terdapat faktor vandalism yang berlaku terhadap senjata ini seperti tindakan manusia itu sendiri. Menggunakan golok bagi aktiviti-aktiviti yang tidak bersesuaian dengan rekabentuk, struktur serta saiz senjata. Sebagai contoh, ramai di antara kalangan masyarakat yang telah menggunakan golok yang bermata halus untuk kerja-kerja berat seperti menebang pokok, memotong kayu, memotong besi atau dawai dan banyak lagi. Kegunaan golok haruslah bersesuaian mengikut saiz serta struktur yang dihasilkan pada senjata golok ini. Ini kerana kerosakan secara langsung akan terjadi terhadap senjata berkenaan seperti patah, berlubang serta bergerigi pada mata golok.



Rajah 4.1 : Kerosakan pecah pada sarung golok

(Sumber : Kajian Lapangan (11/08/2021))



Rajah 4.3 : Kerosakan berkarat pada mata besi golok

(Sumber : Kajian Lapangan (11/08/2021))

#### **4.2.2 Menerangkan cara pemeliharaan golok atau parang pendek dalam masyarakat di Daerah Pasir Puteh, Kelantan.**

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk mencapai objektif ini, penyelidik telah mengenalpasti masalah yang terjadi pada senjata lama seperti golok dalam masyarakat di daerah Pasir Puteh, Kelantan. Penyelesaian untuk masalah ini akan ditunjukkan dalam bab 5. Hasil pemerhatian yang telah dilakukan oleh penyelidik adalah penyelidik telah melihat sendiri beberapa jenis kerosakan yang telah berlaku ke atas senjata golok di bengkel Encik Ahmad Zainudin. Jenis kerosakan yang berlaku pada golok adalah berlainan disebabkan oleh senjata yang dihasilkan oleh Encik Ahmad Zainudin terdiri daripada pelbagai jenis bahan seperti kayu, logam, dan besi. Antara kerosakannya adalah berpunca daripada pelbagai jenis faktor iaitu faktor persekitaran, faktor suhu, faktor pencahayaan, tindakan manusia dan lain-lain. Sebagai contoh yang dapat penyelidik kemukakan adalah kerosakan senjata tersebut terbahagi kepada dua bahagian iaitu pada bahagian mata dan perut golok yang terbuat daripada logam atau besi dan pada bahagian hulu dan sarung golok yang terbuat daripada kayu.

Menurut Encik Ahmad Zainudin Bin Hassan terdapat beberapa bahagian golok yang sering mengalami kerosakan dalam penggunaan seharian penduduk di daerah Pasir Puteh, Kelantan adalah pada bahagian mata, hulu dan sarung golok. Jadi, antara kerosakan yang sering terjadi pada bahagian mata dan perut golok adalah seperti sumbing dan berkarat. Kerosakan seperti sumbing pada bahagian mata golok terjadi akibat tindakan daripada manusia yang menggunakan golok tidak sesuai dengan ketahanannya. Kerosakan seperti berkarat pada mata golok pula akibat senjata berkenaan sering terdedah dengan kelembapan persekitaran yang tidak terkawal. Proses pengkaratan sering berlaku akibat daripada air serta suhu persekitaran yang tidak berada pada aras yang sesuai. Hal ini sering berlaku berpunca daripada kawasan penempatan berkenaan sering dilanda banjir besar pada musim tengkujuh dan menyebabkan barangan lama seperti senjata sukar disimpan dengan sempurna.

Dalam pada itu, kerosakan yang berlaku pada bahagian hulu dan sarung golok pula adalah seperti pecah, hulu dan golok tertanggal dan kulapok. Kerosakan seperti pecah sering berlaku pada bahagian sarung golok akibat senjata sering terdedah dengan pancaran sinar matahari serta suhu persekitaran yang tinggi. Hal ini menyebabkan kayu mula merekah dan menjadi semakin rapuh. Kerosakan seperti hulu dan golok sering tertanggal adalah akibat daripada tindakan manusia itu sendiri yang menggunakan senjata berkenaan tidak sesuai dengan fungsi dan ketahanannya. Manakala, kerosakan yang sering berlaku pada hulu serta sarung golok adalah pertumbuhan kulapok akibat daripada kelembapan serta pencahayaan persekitaran yang tidak terkawal. Kerosakan tersebut juga terjadi disebabkan tindakan manusia itu

sendiri yang sering menggunakan golok tanpa membersihkan kembali golok tersebut dalam keadaan baik. Ianya mampu menyebabkan senjata tersebut terdedah pada persekitaran yang tercemar dan memudahkan lagi kerosakan terjadi pada golok berkenaan. Hal ini berlaku kerana senjata golok ini sering dibiarkan terdedah dan tidak diletakkan di dalam tempat penyimpanan yang sesuai dan tertutup seperti almari kaca atau kotak kedap udara.

#### 4.2.2.1 Keadaah Pemeliharaan Pada Bahagian Mata Golok (Besi)



BAHAGIAN MATA GOLOK (BESI)

Rajah 4.3 : Bahagian mata (besi) senjata golok

(Sumber : Kajian Lapangan (11/08/2021))

Menurut Encik Ahmad Zainudin, terdapat beberapa cara serta proses yang boleh dilakukan untuk mengawal kerosakan pada golok daripada terus terjadi. Beberapa proses ini dilakukan bagi mengawal kerosakan seperti mata golok sumbing dan proses pengaratan yang sering terjadi pada bahagian mata golok tersebut (Rajah 4.3). Terdapat dua kaedah bagi mengawal kerosakan seperti sumbing dan pengaratan pada mata golok atau pada bahagian besi berkenaan. Iaitu kerosakan seperti sumbing, kaedah mencanai semula mata golok dilakukan manakala kerosakan seperti berkarat, kaedah mengawal pengaratan dilakukan seperti rajah dibawah:

#### 4.2.2.1.1 Kaedah Menganai Semula (Dama)

1. Langkah pertama ialah bersihkan mata golok tersebut daripada kekotoran seperti debu.
2. Langkah kedua, golok diketuk menggunakan penukul besi untuk membetulkan mata besi yang belok dan senget (Rajah 4.4).



Rajah 4.4 : Bahagian mata (besi) senjata golok diketuk

(Sumber : Kajian Lapangan (11/08/2021))

3. Kemudian, golok dicanai oleh orang yang berkemahiran seperti tukang golok menggunakan mesin canai bagi membetulkan bahagian mata golok yang sumbing (Rajah 4.5).



Rajah 4.5 : Teknik canai semula bahagian mata (besi) senjata golok

(Sumber : Kajian Lapangan (11/08/2021))

4. Lalu golok disepuh semula supaya ketumpatan besi golok menjadi semakin mampat (Rajah 4.6).



Rajah 4.6 : Teknik sepuhan semula bahagian mata (besi) senjata golok

(Sumber : Kajian Lapangan (11/08/2021))

5. Selesai sahaja teknik sepuhan, golok diasah kembali menggunakan batu batu pengasah untuk menajamkan lagi mata golok tersebut(Rajah 4.7).



Rajah 4.7 : Bahagian mata (besi) senjata golok diasah semula

(Sumber : Kajian Lapangan (11/08/2021))

6. Akhir sekali, golok dibersihkan dan dikeringkan dengan suhu persekitaran yang sesuai.

#### 4.2.2.1.2 Kaedah Mengawal Pengaratan

1. Langkah pertama ialah bersihkan mata golok tersebut daripada kekotoran lalu tutup permukaan hulu golok agar sebarang cairan tidak terkena pada permukaan hulu golok (Rajah 4.8).



Rajah 4.8 : Bahagian mata (besi) senjata golok dibersihkan

(Sumber : Kajian Lapangan (11/08/2021))

2. Kemudian, langkah kedua ialah sapukan pencuci mozek pada bahagian yang berkarat dan tunggu sehingga 5 minit (Rajah 4.9).



Rajah 4.9 : Bahagian mata (besi) senjata golok disapukan pencuci mozek

(Sumber : Kajian Lapangan (11/08/2021))

3. Selepas 5 minit, teknik gosokan dengan menggunakan pemberus besi lembut dilakukan sehingga semua karat pada mata golok hilang dan berkurangan (Rajah 4.10).





Rajah 4.10 : Bahagian mata (besi) senjata golok digosok dengan berus keluli  
(Sumber : Kajian Lapangan (11/08/2021))

4. Kaedah keempat ialah asah semula golok tersebut menggunakan batu pengasah bagi menajamkan lagi mata golok berkenaan (Rajah 4.11).



Rajah 4.11 : Bahagian mata (besi) senjata golok diasah semula  
(Sumber : Kajian Lapangan (11/08/2021))

5. Akhir sekali, keringkan mata golok tersebut dalam suhu persekitaran yang sesuai bagi mengelakkan proses pengembangan dan pengecutan terjadi pada golok tadi (Rajah 4.12).



Rajah 4.12 : Bahagian mata (besi) senjata golok  
setelah dibersihkan semula

(Sumber : Kajian Lapangan (11/08/2021))

#### 4.2.2.2 Keadah Pemeliharaan Pada Bahagian Sarung dan Hulu Golok (Kayu)



Rajah 4.13 : Bahagian sarung dan hulu (kayu) senjata golok

(Sumber : Kajian Lapangan (11/08/2021))

Terdapat beberapa langkah bagi mengawal kerosakan pada bahagian pemegang atau hulu golok tersebut (Rajah 4.4). Hal ini kerana hulu golok tersebut kebanyakannya terbuat daripada bahan organik seperti kayu. Jadi ianya mudah rosak disebabkan kandungan nutrien pada kayu tersebut menarik serangga perosak serta pertumbuhan kulapok. Hal ini menyebabkan kayu mudah pecah atau reput serta perubahan dari segi warna hulu golok. Langkah ini sering

dilakukan oleh orang yang mempunyai kemahiran dalam seni kayu serta si pembuat golok itu sendiri. Malah ianya boleh dilakukan oleh orang ramai jika pengetahuan ini sering praktikkan secara meluas. Melalui temu bual yang dilakukan penyelidik bersama Encik Ahmad Zainudin terdapat tiga jenis kaedah yang boleh digunakan untuk mengawal kerosakan pada hulu atau sarung golok yang diperbuat daripada bahan organik seperti kayu. Kaedah tersebut dinyatakan dalam bentuk rajah dibawah:

#### 4.2.2.2.1 Kaedah Mengawal Kerosakan Pecah (Sumbi)

1. Langkah pertama ialah membersihkan golok dengan menggunakan berus lembut bagi menghilangkan kekotoran serta habuk yang tidak diingini.
2. Langkah kedua ialah menaburkan habuk kayu kedalam rekahan kecil pada hulu atau sarung golok lalu titikkan gam 3 second tadi ke atas rekahan yang berisi habuk kayu berkenaan (Rajah 4.14).



Rajah 4.14 : Bahagian sarung (kayu) senjata golok digam semula

(Sumber : Kajian Lapangan (11/08/2021))

3. Jika rekahannya besar atau pecah, sepotong kayu digunakan untuk menampal kembali bahagian kayu

yang pecah menggunakan teknik yang sama iaitu dengan menaburkan habuk kayu lalu titiskan gam 3 second pada bahagian berkenaan (Rajah 4.15).



Rajah 4.15 : Bahagian sarung (kayu) senjata golok dicantumkan potongan kayu

(Sumber : Kajian Lapangan (11/08/2021))

4. Seterusnya, samakan permukaan kayu yang ditampal tadi dengan menggunakan mesin pasah kayu. Langkah ini kebiasaannya dilakukan oleh tukang pembuat golok (Rajah 4.16).



Rajah 4.16 : Bahagian sarung (kayu) senjata golok diasah semula

(Sumber : Kajian Lapangan (11/08/2021))

5. Kemudian, gosok kawasan yang ditampal tadi dengan menggunakan kertas pasir hingga menutupi lubang kayu

serta menukarkan permukaan yang kasar menjadi licin dan rata kembali (Rajah 4.17).



Rajah 4.17 : Bahagian sarung (kayu) senjata golok digosok dengan kertas pasir

(Sumber : Kajian Lapangan (11/08/2021))

6. Akhir sekali, clear kayu, spray atau syelek kayu digunakan pada permukaan hulu atau sarung golok tadi mengikut warna asal hulu golok tersebut (Rajah 4.18).



Rajah 4.18 : Bahagian sarung (kayu) senjata golok disembur dengan spray kayu

(Sumber : Kajian Lapangan (11/08/2021))

#### **4.2.2.2.2 Kaedah Mengawal Kerosakan Hulu Tertanggal (Mala/ Pasak)**

1. Langkah pertama ialah bersihkan puting golok daripada sebarang kekotoran.

2. Tebuk hulu golok mengikut saiz puting golok yang akan dimasukkan nanti (Rajah 4.19).



Rajah 4.19 : Bahagian hulu (kayu) senjata golok ditebuk dengan gerudi

(Sumber : Kajian Lapangan (11/08/2021))

3. Kemudian, campurkan gam cap KOSSAN dengan habuk kayu mengikut warna asal kayu.
4. Lalu bentukkan campuran berkenaan menjadi satu bentuk silinder panjang agar mudah untuk dimasukkan kedalam hulu golok (Rajah 4.20).



Rajah 4.20 : Campuran habuk kayu dan gam dibentuk

(Sumber : Kajian Lapangan (11/08/2021))

5. Masukkan campuran berkenaan kedalam lubang pada hulu golok (Rajah 4.21).



Rajah 4.21 : Bahagian hulu (kayu) dan puting (besi)  
golok dicantumkan

(Sumber : Kajian Lapangan (11/08/2021))

6. Lalu masukkan pula puting golok tadi kedalam hulu golok sehingga campuran gam tadi padat dan gam 3 second digunakan pada permukaan berkenaan bagi mengunci kedudukan hulu golok agar tidak bergerak (Rajah 4.22).



Rajah 4.22 : Bahagian hulu (kayu) senjata golok  
digam

(Sumber : Kajian Lapangan (11/08/2021))

7. Tunggu selama 4 jam, lalu kemaskan permukaan berkenaan dengan menggunakan kertas pasir.

#### 4.2.2.2.3 Kaedah Mengawal Kerosakan Kulapok

1. Pertama sekali golok haruslah dicuci atau dibersihkan dengan menggunakan sabun terkawal dan selamat untuk digunakan pada bahan organik seperti kayu.
2. Langkah kedua ialah gosok permukaan ulu golok yang dipenuhi oleh kulapok tadi dengan menggunakan kertas pasir. Langkah ini dilakukan sehingga kulapok atau bahagian yang terdedah dengan tumbuhan seni tadi betul-betul hilang (Rajah 4.23).



Rajah 4.23 : Bahagian hulu (kayu) senjata golok digosok dengan kertas pasir

(Sumber : Kajian Lapangan (11/08/2021))

3. Kemudian langkah ketiga ialah, golok tadi haruslah dibersihkan kembali bagi menghilangkan habuk serta kekotoran yang ada.
4. Langkah terakhir ialah dengan menyapu hulu sarung golok menggunakan clear kayu atau syelek kayu mengikut warna asal sebenar golok lalu biarkan sehingga permukaan tersebut kering.



#### **4.2.3 Menganalisis kesan pemeliharaan golok atau parang pendek dalam masyarakat di Daerah Pasir Puteh, Kelantan.**

Menurut Dunham (2008) hasil kajian lepas, beliau beranggapan bahawa pemeliharaan terhadap sesuatu barangan lama seperti artefak mampu mengekalkan golongan penerusnya. Hal ini disokong oleh beberapa artikel iaitu dengan adanya cara serta langkah bagi pemeliharaan serta pembuatan sesuatu barangan, ianya mampu mengekalkan penerus kepada generasi akan datang dengan ini juga setiap ilmu warisan tidak ketara dapat diturunkan secara turun temurun secara meluas. Da ianya juga amat berguna pada generasi akan datang supaya dapat melihat serta memahami sendiri erti pemeliharaan serta pemuliharaan keatas sesuatu barangan warisan yang kian bernilai.

Menurut Encik Ahmad Zainudin melalui hasil temu bual bersama, beliau memberitahu bahawa tujuan dan objektif golok dihasilkan adalah berbeza mengikut kemahuan si pembeli. Kebanyakan golok sekarang dihasilkan adalah untuk dijadikan sebagai alat perhiasan dan sebagai alat untuk kegunaan pada musim perayaan aidiladha. Hal ini kerana masih ramai masyarakat sekarang yang tidak tahu bahawa kepentingan sesuatu koleksi senjata yang digunakan oleh masyarakat zaman dahulu iaitu sebagai alat untuk mempertahankan diri, memudahkan kerja seharian, dan pelbagai lagi (Muhd Azim Berita Harian Online, 2018). Menurutnya lagi, senjata yang dihasilkan sekarang adalah bervariasi mengikut peredaran zaman. Pembuatan senjata ini juga sering kali mendapat permintaan tinggi dari penduduk di Bandar sebagai alat untuk pertandingan senjata tercantik. Pertandingan tersebut sering kali diadakan bagi mencari penghasilan senjata seperti golok mengikut nilai dari segi estetika, sejarah, ketahanan dan lain-lain. Pertandingan sebegini harus

kerap diadakan bagi mengekalkan warisan senjata lama serta mencungkil bakat warga muda dalam penghasilan serta penggunaan senjata tersebut dengan tepat.

Menurut Encik Kahirul Nizam Bin Yusoff pula, melalui hasil temu bual bersama berpandangan bahawa pemeliharaan senjata berkenaan banyak adalah memberi kesan positif terhadap penduduk kampung terutama yang tinggal di kawasan pedalaman. Hal ini kerana senjata seperti ini bukan hanya mampu dijadikan alat untuk melakukan kerja seharian malah ianya digunakan sebagai alat untuk adat dalam seni mempertahankan diri seperti seni warisan silat. Senjata golok juga kerap digunakan dalam aktiviti memburu binatang kedalam hutan oleh penduduk kampung. Ianya kerana senjata tersebut boleh digunakan sebagai alat untuk melindungi diri daripada haiwan liar seperti ular, harimau, gajah dan lain-lain. Menurut orang kampung setempat, dengan adanya senjata golok ditangan aura serta semangat berani dapat diwujudkan dalam diri mereka. Selain itu senjata berkenaan boleh diturunkan dan diwariskan kepada generasi seterusnya. Hal ini kerana penjagaan warisan dari zaman turun temurun mampu menjadikan masyarakat agar tidak lupa akan warisan yang ada sebelum ini. Dalam pada itu, harta warisan yang ditinggalkan dari zaman berzaman mempunyai nilainya yang tersendiri dan semakin sukar untuk diperolehi pada masa akan datang. Jadi pemeliharaan golok adalah suatu tindakan yang penting untuk dipraktikkan dalam pengetahuan masyarakat di bandar mahupun luar bandar.

Menurut pemerhatian, penyelidik mendapati bahawa di bengkel milik Encik Ahmad Zainudin juga terdapat beberapa jenis penghasilan senjata yang dihasilkan sendiri oleh beliau (Rajah 4.24). Ada diantara senjata berkenaan

dijadikan alat perhiasan dirumah beliau agar warga muda yang datang kerumahnya dapat melihat sendiri keistimewaan serta kesenian yang ada pada setiap senjata berkenaan. Selain itu juga ianya adalah untuk menarik perhatian pengunjung dan bagi mengenal atau mengingati sesuatu peninggalan lama. Hal ini kerana, senjata seperti golok, keris, kerambit dan lain-lain adalah artifak yang berkait dengan koleksi kekal iaitu pakaian silat yang dipakai oleh seseorang yang mempunyai ilmu silat untuk mempertahankan diri daripada musuh. Oleh itu, pemeliharaan golok mampu memberi kesan yang mendalam terhadap masyarakat di Daerah Pasir Puteh, Kelantan. Hal ini demikian kerana, menurut Haniff Razin, (2018) dalam jurnal klasifikasi golok betawi menyatakan bahawa setiap barangan artifak seperti senjata jika dijaga serta dipelihara dengan elok, ianya mampu mengekalkan budaya serta adat yang wujud dalam sesuatu masyarakat. Dengan ini, keaslian warisan budaya dapat terjaga sehingga ke generasi seterusnya. Dalam masa yang sama, identiti Negara serta budaya dapat dibezakan dengan keberadaan tinggalan warisan seperti senjata, permainan, pakaian, makanan dan lain-lain mengikut tradisi umum yang ada.



Rajah 4.24 :Senjata Golok

(Sumber : Kajian Lapangan (11/08/2021))

### 4.3 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dalam bab ini penyelidik telah menganalisis data yang diperoleh daripada temubual dan pemerhatian. Oleh itu jelaslah bahawa penggunaan golok dalam masyarakat di Daerah Pasir Puteh, Kelantan memerlukan penyelesaian masalah kepada pemeliharaan senjata seperti kaedah mengawal kerosakan kulapok dan berkarat. Hal ini kerana kaedah tersebut amatlah mudah dan selamat dilakukan oleh golongan penduduk kampung bagi memelihara golok daripada terus rosak dan dimamah usia. Selain itu, bengkel Encik Ahmad Zainudin juga menyediakan khidmat seperti mengasah, mencanai, menyepuh serta proses mencantumkan semula hulu dan mata golok dilakukan bagi mengembalikan struktur asal golok serta senjata yang lainnya. Ini kerana proses dan teknik tersebut yang dipanggil sebagai (sumbi atau mala) akan menyukarkan penduduk kampung untuk melakukannya sendiri dirumah. Masalah kerosakan seperti besi berkarat, kayu pecah atau berkulapok juga mampu diatasi dengan beberapa langkah mudah yang boleh dipraktikkan oleh semua kalangan dari segi umur dan jantina. Jadi bagi penggemar pengumpul senjata artifak serta penduduk biasa yang sering menggunakan senjata golok perlu mengikut garis panduan dalam memelihara sesuatu artifak yang ada seperti menjaga gred pencahayaan dan gred suhu yang betul. Oleh itu, semua pihak yang terlibat perlu berganding bahu untuk menyelesaikan segala masalah yang dihadapi oleh penduduk dalam masyarakat di Daerah Pasir Puteh, Kelantan bagi pemeliharaan senjata lama seperti golok.

## BAB 5

### PERBINCANGAN, CADANGAN, DAN KESIMPULAN

#### 5.0 Pengenalan

Dalam bab ini penyelidik akan menjelaskan tentang tiga topik utama secara lebih terperinci iaitu perbincangan, cadangan dan kesimpulan yang telah diperolehi daripada hasil kajian yang dijalankan. Dalam hal ini, perbincangan yang dibuat menjadi ukuran terhadap potensi keberkesanan dapatan maklumat yang diperolehi dalam proses menyiapkan projek penyelidikan ini. Selain itu, pada bahagian ini juga, pengkaji akan mengutarakan beberapa cadangan dan saranan yang relevan bagi memudahkan penyelidik di masa hadapan untuk merangka perancangan untuk melakukan kajian berkenaan pemeliharaan artifak lama seperti senjata ini pada masa akan datang. Sememangnya projek penyelidikan ini mampu sedikit sebanyak dalam membantu mereka dalam mencapai maklumat yang diinginkan kelak. Secara keseluruhannya bab ini juga merupakan bab yang terakhir dalam kajian ini. Justeru itu, dalam bab ini akan dimasukkan bahagian kesimpulan bagi merumuskan segala yang telah ditulis oleh penyelidik.

#### 5.1 Perbincangan

Bahagian ini menghuraikan serta merumuskan dapatan-dapatan daripada tajuk kajian pengkaji tentang pemeliharaan senjata lama iaitu sebuah golok dalam masyarakat di Daerah Pasir Puteh, Kelantan. Perbincangan mengenai dapatan kajian dilakukan berdasarkan pada penganalisan data ketiga tiga analisis objektif kajian yang diulas secara terperinci di dalam penulisan bab empat sebelum ini.

### **5.1.1 Analisis Objektif Kajian 1: Mengenalpasti kerosakan yang sering terjadi pada golok atau parang pendek dalam masyarakat.**

Terdapat pelbagai risiko kerosakan koleksi yang telah dinyatakan dalam bab 4 iaitu pencahayaan, suhu, manusia dan persekitaran. Hal ini terjadi kerana segelintir masyarakat tidak mengikut garis panduan dalam kaedah penjagaan koleksi yang dimiliki. Oleh itu, risiko kepada kerosakan ke atas sesuatu koleksi wajar dibendung oleh semua pihak agar keaslian sesuatu koleksi dapat dipelihara sehingga ke generasi akan datang. Setiap koleksi juga wajar dipantau setiap masa agar tidak terdedah kepada kerosakan yang sedikit demi sedikit dan lama-kelamaan menjadi semakin teruk sehingga hilang keasliannya.

### **5.1.2 Analisis Objektif Kajian 2: Menerangkan cara pemeliharaan golok atau parang pendek dalam masyarakat di Daerah Pasir Puteh, Kelantan.**

Daerah Pasir Puteh merupakan salah satu tempat yang mempunyai salah seorang tukang pandai besi yang dalam pembuatan senjata seperti golok. beliau telah menceburi bidang petukngan tersebut setelah sekian lama dan amat mahir dalam seni pembuata senjata serta cara penjagaan senjata berkenaan. Oleh sebab itu, pentingnya kaedah yang digunakan untuk meningkatkan pemeliharaan koleksi agar lebih sistematik di dalam sesebuah masyarakat yang terletak di negeri Kelantan ini. Tukang pandai besi tersebut atau lebih dikenali sebagai Abe Din iaitu informan pertama dan peneyelidik juga telah mencadangkan beberapa kaedah iaitu meletakkan koleksi di dalam

tempat tertutup, menjauhi senjata dari suhu atau sekitar yang tidak sesuai, dan sentiasa membersihkan senjata tersebut dengan cara yang tepat dan sistematik. Hal ini kerana, senjata golok yang digunakan dapat diuruskan dengan baik dan tidak terdedah kepada bermacam jenis kerosakan. Pemeliharaan serta penjagaan senjata secara sistematik juga dapat memudahkan orang ramai dalam mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan koleksi yang dihasilkan. Senjata golok yang sering digunakan masyarakat dalam daerah Pasir Puteh , Kelantan ini dengan cara yang kurang sesuai dan kurang dari segi pembersihan pada senjata yang telah digunakan. Hal ini adalah punca kepada berlakunya kerosakan pada koleksi tersebut disebabkan terdedah kepada persekitaran. Hal ini perlu diatasi oleh semua pihak dalam masyarakat dengan meletakkan koleksi tersebut ditempat yang tertutup dan selamat.

Pendokumentasian koleksi memainkan peranan dalam pemeliharaan koleksi yang sistematik. Hal ini kerana, pendokumentasian dapat memudahkan semua pihak untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan sesuatu artifak. Hal ini dapat memudahkan semua lapisan masyarakat mendapatkan maklumat dengan hanya mendapatkan buku di kedai-kedai yang berdekatan dan juga melayari 'website' dalam masyarakat setempat.

### **5.1.3 Analisis Objektif Kajian 3: Menganalisis kesan pemeliharaan golok atau parang pendek dalam masyarakat di Daerah Pasir Puteh, Kelantan.**

Kajian yang dijalankan oleh penyelidik dapat dijadikan rujukan kepada pengkaji-pengkaji akan datang dalam mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan penjagaan koleksi yang dijalankan dalam masyarakat di daerah Pasir Puteh, Kelantan. Malah, pengkaji yang akan datang juga boleh melakukan kajian yang baharu berkaitan dengan pemeliharaan koleksi yang berkaitan dengan Senjata untuk mendapatkan lebih banyak maklumat dengan lebih jelas.

Keaslian kajian penyelidik dapat dilihat dimana sebelum ini cara pemeliharaan bagi sesuatu senjata tidak pernah dibuat kajian oleh mana-mana pengkaji dan ini merupakan kajian yang pertama dibuat terhadap pemeliharaan koleksi yang terdapat di daerah Pasir Puteh, Kelantan. Pada kajian lepas iaitu kajian yang dilakukan oleh Hanif Razin Rahmatullah mengenai Golok Betawi (2018) menyatakan klarifikasi jenis koleksi golok dalam masyarakat di salah sebuah daerah di desa Indonesia. Ianya juga merumuskan kepada penentuan jangka hayat sesuatu koleksi serta kesan terhadap masyarakat dalam penjagaan terhadap fizikal koleksi dan cara pendokumentasian koleksi. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak sesuai dijadikan rujukan kerana kajian yang dilakukan ini tidak menjelaskan tentang polisi dengan lebih jelas bagi memberikan kefahaman kepada penyelidik terhadap polisi pemeliharaan serta penjagaan koleksi. Kajian yang dilakukan oleh penyelidik lebih kepada penekanan penerangan tentang asas



pemeliharaan koleksi senjata yang boleh dilakukan oleh semua pihak terutama masyarakat di daerah Pasir Puteh, Kelantan dengan lebih jelas dan berjaya mengatasi kelemahan kajian sebelumnya.

## 5.2 Kesimpulan

Sepanjang kajian ini dilaksanakan, penyelidik dapat merumuskan bahawa pembuatan koleksi senjata oleh salah seorang tukang besi dan tukang kayu di sebuah daerah ini adalah tidak dilakukan secara meluas. Hal ini menyebabkan masyarakat yang tinggal di kawasan lain tidak sepenuhnya terdedah dengan cara serta kaedah pemeliharaan yang baik dan berkesan. Pemeliharaan koleksi yang sistematik dan berkesan memainkan peranan yang sangat penting terhadap sesebuah masyarakat dalam menangani isu kerosakan aritfak lama secara berleluasa. Pemeliharaan koleksi seperti senjata adalah merangkumi bidang yang meluas iaitu dari peringkat pembuatan, pemeliharaan, penjagaan, penggunaan, penyimpanan sehinggalah ke peringkat penyebaran maklumat. Melalui pemeliharaan koleksi yang telah dibincangkan di dalam laporan ini, perkongsian ilmu tentang warisan budaya dapat disebarkan secara bertulis mahupun lisan.

Oleh sebab itu, semua pihak mestilah bekerjasama untuk meningkatkan pemeliharaan koleksi terutama sekali oleh masyarakat yang masih lagi menggunakan serta memiliki koleksi artifak lama seperti senjata. Ianya adalah penting untuk pemeliharaan terhadap senjata lama supaya lebih sistematik dan dapat memberikan maklumat yang secukupnya kepada semua lapisan masyarakat yang ingin mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan koleksi yang ada di Kelantan mahupun luar Kelantan. Hal ini juga dapat memberikan kesan kepada setiap koleksi yang dipelihara dalam masyarakat tersebut ke arah yang lebih baik dan tersusun. Koleksi

juga dapat dikekalkan keasliannya apabila semua pihak dalam masyarakat melakukan pemeliharaan koleksi secara sistematik dan berkesan.

### 5.3 Cadangan

Pelestarian koleksi artifak lama seperti golok yang ada di Malaysia merupakan salah satu usaha yang seharusnya dijayakan. Ianya penting untuk dijadikan sebagai identiti daerah atau masyarakat yang ada di sebuah Negara yang berpotensi untuk terus maju dan berkembang. Usaha ini sangat perlu dilakukan, kerana sudah tidak ada lagi penerus kepada kepakaran yang dimiliki oleh pandai besi yang membuat artifak lama seperti senjata golok tersebut. Daripada hasil analisis kajian lepas, proses perlindungan dan pelestarian merupakan satu tindakan yang boleh dilakukan oleh semua pihak namun, tindakan berkenaan adalah tidak mudah untuk membuat golok baru. Setiap proses yang sempurna diperlukan dalam usaha untuk mengumpulkan data yang jumlahnya terbatas hanya dari sisa peninggalan golok yang ada dan pengetahuan seorang warga bernama Encik Ahmad Zainudin Bin Hassan serta warga penduduk kampung yang mahir berkenaan senjata. Data tersebut dikumpulkan melalui proses penuturan tentang bentuk, ukuran, kerosakan dan fungsi dari penghasilan senjata golok di dalam sesutau daerah.

Selain itu, teknik pengambilan data secara bergambar dilakukan bagi menyimpan serta mendokumentasikan segala bentuk, motif, rupa, kerosakan serta fungsi pada sesuatu senjata yang telah dihasilkan. Kemudian, pembuatan replika bagi beberapa jenis golok yang berbagai jenis seperti golok rembau, golok petok, golok ujung turun, golok walahir, golok gobag dan banyak lagi yang merupakan salah satu golok yang menjadi kegunaan ramai dalam kalangan masyarakat di Kelantan. Justeru

itu, dengan menggunakan material bahan seperti kayu dan teknik produksi secara manual dapat mengekalkan lagi kemahiran serta kepakaran kepada orang ramai supaya penghasilan setiap senjata tidak mudah dilupakan oleh generasi seterusnya.

Oleh itu, antara inisiatif yang dilakukan oleh Encik Ahmad Zainudin adalah dengan melibatkan para tukang pandai besi dari daerah lain dalam penghasilan senjata secara meluas dan selamat adalah upaya selanjutnya yang dilakukan. Namun begitu. Usaha berkenaan memerlukan kemahiran serta kepakaran yang mendalam dalam teknik pembuatannya disebabkan setiap penghasilan senjata mempunyai nilai standard kualiti bentuknya yang harus dipenuhi dan diteliti oleh pelbagai pihak yang terlibat. Dengan adanya usaha tersebut, diharapkan lahir generasi penerus bagi pembuatan senjata seperti golok yang masih ada di Malaysia. Jadi, tujuan akhir untuk melestarikan serta melindungi warisan penghasilan golok mampu dijadikan sebagai salah satu identiti sesebuah kelompok masyarakat di dalam satu Negara yang maju. Dalam masa yang sama juga, usaha dalam pegekalan warisan budaya tidak ketara dapat tercapai dan mampu menjadi salah satu simbol kepada warisan unggul sesebuah masyarakat di Negara Malaysia.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## Rujukan

- Albert G Van Zonneveld (2002). **Traditional Weapons of the Indonesian Archipelago**. Koninklyk Instituut Voor Taal Land.p.29.ISBN 90-5450-004-2.
- Andora, Hengki. 2011. “**Desa Sebagai Unit Pemerintahan Terendah di Kota Pariaman**”. Jurnal Ilmu Hukum. Vol. 2. No. 2.
- A. Samad Ahmad (1986). **Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)** Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Carol Laderman (1991). **Taming the Wind of Desire: Psychology, Medicine, and Aesthetics in Malay Shamanistic Performance**. University of California Press.
- Golok Pusaka Cibatu, Sukabumi, Jawa Barat: **Pandai Besi Senjata yang Andal** (in Indonesian). Wonderful Indonesia. Archived from the original on March 18, 2014.
- Hasanah,U.(2014)**Software Pengenal Pamor Golok Jawa Dengan Mengimplimentasikan Kohonen Neutral Network**. UIN Syarif Hidayatullah Jakarta.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia dalam Jaringan (KBBI daring) 11 December 2019.- **Entri Golok**. kbbi.kemdikbud.go.id (in Indonesian).
- Mohamad, Khamis and Nik Abdul Rahman, Nik Hassan Shuhaimi and Samian, Abdul Latif and Ramli, Zuliskandar (2013) **Keris: Artifak Kejuruteraan Spiritual Melayu / Khamis Mohamad**, et. al. Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (IMAN),
- Qomar, Nurul. Hadi, Syaiful. Rifai, Ahmad. 2008. “**Aspek Sosial Ekonomi Masyarakat di sekitar Tanaman Industri di Riau**”. Jurnal Industri dan Perkotaan. Volume 12. (22).

- Suryahadi, Asep. Hadiwidjaja. 2011. **“Gracia The Role of Agriculture in Poverty Reduction in Indonesia”**. Paper. SMERU Research Institute Jakarta-Indonesia.
- Susilowati, Sri Hery. Sinaga, Bonar M. Limbong, Wilson H. Erwidodo. 2007. **“Dampak Kebijakan Ekonomi di Sektor Agroindustri terhadap Kemiskinan dan Distribusi Pendapatan Rumah Tangga di Indonesia: Analisis Imulasi dengan Sistem Neraca Sosial Ekonomi”**, Jurnal Agro Ekonomi. Volume 25. (1)
- T. Zulkarnain Muttaqien. (2015). **Rekonstruksi Visual Golok Walahir oleh Pak Awa sebagai Upaya Pelestarian Identitas Budaya Masyarakat Desa Sindangkerta Kabupaten Tasikmalaya**. Institut Seni Budaya Indonesia Bandung.
- Ulumiyah, Ita. Gani, Abdul Juli Andi. Mindarti, Lely Indah. 2013. **“Peran Pemerintah Desa dalam Memberdayakan Masyarakat Desa (Studi pada Desa Sumberpasir Kecamatan Pakis Kabupaten Malang)”**. Jurnal Administrasi Publik (JAP). Vol.1No.5
- Yuszaidy Mohd Yusoff (2013), **Perlindungan harta Warisan: Keberkesanan Usaha Pemuliharaan dan Pemeliharaan**, Tesis Universiti Sains Malaysia.
- Al Fadhli, Muhammad. 2013. **“Prospek Industri Pandai Besi di Desa Teratak Kecamatan Rumbio Jaya”**. Skripsi S1.  
<http://repository.unri.ac.id/xmlui/handle/123456789/1697>.
- Itaratnasari (2015), Blog: **Konservasi Kuratif Monumen Serangan Oemoem Satoe Maret**,  
<https://kebudayaan.kemdikbud.go.id/Vredeburg/author/itaratnasari/>
- Sutiyono. 2008. **“Pemberdayaan Masyarakat Desa Dalam Pelaksanaan Program Desa Wisata Di Daerah Istimewa Yogyakarta”**. Laporan.  
<http://eprints.uny.ac.id/id/eprint/3893>.

## Lampiran



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
Faculty of Creative Technology and Heritage

RUJ. KAMI (Our Ref) : MK.A02.600-4/7/4 JILID 2 (48 )  
TARIKH (Date) : 25 JULAI 2021

BENGKEL GOLOK AHMAD ZAINUDIN  
NO 1, KLINIK MESIN JAHIT DAPUR GAS  
16800  
PASIR PUTEH  
KELANTAN

Tuan/Puan,

### MEMOHON KEBENARAN UNTUK PELAJAR UMK MENJALANKAN KAJIAN / PENYELIDIKAN / TEMURAMAH

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa senarai nama di bawah adalah merupakan pelajar dari Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang akan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah di organisasi tuan/ puan. Tujuan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah ini adalah bagi memenuhi keperluan kursus **Projek Penyelidikan II (CFT 4134)**. Nama pelajar adalah seperti butiran berikut:

Bil.	Nama Pelajar	No Matrik	No. Kad Pengenalan	Program
1	Siti Amiera Binti Ahmad Zainudin	C18A0541	981112035736	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

3. Sukacita sekiranya pelajar ini mendapat kerjasama daripada tuan/puan.

Kerjasama tuan/puan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUFAKAT, NEGERI BERKAT"**  
**"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

PROF. MADYA TS. DR. KHAIRUL AZHAR BIN MAT DAUD  
Timbalan Dekan (Akademik dan Pembangunan Pelajar)

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN اونیورسیتی ملیسیا کلانتن

Kampus Bachok  
Beg Berkunci (Locked Bag) No. 01,  
16300 Bachok, KELANTAN, MALAYSIA

Tel : 609 779 7260  
Fax : 609 779 7262

KELANTAN

FYP FTKW

## SENARAI SOALAN KEPADA INFORMAN

Persoalan temu bual adalah berdasarkan tiga objektif utama kajian adalah seperti:

- 1. Mengenalpasti kerosakan yang sering terjadi pada golok atau parang pendek.**
  - 1.1) Apakah bentuk kerosakan yang sering dialami senjata golok ini?
  - 1.2) Dibahagian manakah pada senjata golok ini sering berlaku kerosakan?
  - 1.3) Bagaimanakah kerosakan tersebut sering berlaku?
  - 1.4) Apakah faktor yang menyebabkan kerosakan tersebut terjadi?
  - 1.5) Kenapa kerosakan senjata tersebut sering berlaku dalam masyarakat setempat?
  - 1.6) Kenapa kerosakan sedemikian hanya berlaku dalam masyarakat?
- 2. Menerangkan cara pemeliharaan golok atau parang pendek dalam masyarakat di Daerah Pasir Puteh, Kelantan.**
  - 1.1) Bagaimanakah cara atau langkah asas dalam pemeliharaan golok atau parang pendek ini?
  - 1.2) Bagaimanakah teknik mengawal kerosakan pada bahagian organik seperti sarung dan hulu golok?
  - 1.3) Bagaimanakah teknik mengawal kerosakan pada bahagian bukan organik seperti mata besi golok?
  - 1.4) Apakah langkah-langkah yang selamat dan boleh dilakukan oleh masyarakat dalam proses pemeliharaan senjata berkenaan?
  - 1.5) Bagaimanakah langkah selamat yang boleh dipelajari oleh semua golongan masyarakat dalam memelihara senjata sebegini?
  - 1.6) Adakah langkah ini mudah dan praktikal untuk menjaga serta memelihara senjata lama seperti golok? Kenapa?
- 3. Menganalisis kesan pemeliharaan golok atau parang pendek dalam masyarakat di Daerah Pasir Puteh, Kelantan.**
  - 1.1) Apakah kesan terhadap pemeliharaan golok atau parang pendek dalam masyarakat di Daerah Pasir Puteh, Kelantan.
  - 1.2) Adakah teknik serta langkah bagi pemeliharaan senjata ini memberi faedah dalam masyarakat setempat? Kenapa?
  - 1.3) Apakah kesan bagi pendedahan terhadap pemeliharaan golok dalam semua golongan masyarakat?
  - 1.4) Bagaimanakah kesan tersebut memberi pengaruh terhadap budaya, aagama, dan negara?
  - 1.5) Adakah pemeliharaan terhadap senjata lama ini memberi kesan dalam perindustrian ekonomi Negara? Kenapa?
  - 1.6) Bagaimanakah kesan pemeliharaan senjata lama mampu mempengaruhi sosial masyarakat setempat?



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



### CARTA GANTT PROJEK PENYELIDIKAN

Tahun/ Semester	Semester Februari 2021					Semester September 2021				
Bulan Aktiviti	Feb	Mac	April	May	Jun	Sept	Okt	Nov	Dis	Jan
Perjumpaan Bersama Penyelia (Tajuk Kajian)										
Draf Awal										
Bab1:Pengenalan										
Bab2:Kajian Terdahulu										
Bab3:Metodologi Kajian										
Penyuntingan										
Pembentangan PP1										
Pembetulan										
Penghantaran PP1										
Draf Awal Bab 4 dan Bab 5										
Kumpul dan Analisis Data										
Penulisan dan Semakan Laporan										
Pembentangan Laporan Akhir										
Penyediaan Naskah Berjilid										

(Sumber: Kajian Lapangan, 2022)